

APPENDICES

APPENDIX A

Publication

A) Article in Journal/Proceedings

1. **Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil**, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Azman Ab. Rahman, (2021). *Pengaplikasian Wakaf Ahli Bertempoh (Muaqqat) Sebagai Mekanisme Memakmurkan Amalan Wakaf di Malaysia*. International Seminar on Islam and Science (SAIS). Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan (USIM), pp. 53-71.
2. Muhamad Firdaus Ab Rahman, **Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil**, Hussein 'Azeemi Adullah Thaidi, Azman Ab Rahman, Farhana Mohamad Suhaimi, Luqman Haji Abdullah, & Mohd Hafiz Safiai, (2021). *Temporary Waqf Implementation in Malaysia: A Systematic Literature Review*. 2nd International Conference on Humanity, Law and Sharia. IAIN Batusangkar, West Sumatera, Indonesia.
3. **Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil**, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Azman Ab. Rahman, (2020). *Memperkokuhkan Institusi Wakaf di Malaysia Melalui Wakaf Bertempoh*. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah dan Law 2020 (INPAC2020). Faculty Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan (USIM), pp. 183-199.
4. **Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil**, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Azman Ab. Rahman, (2020). *Temporary Waqf and Zakat as a Financial Aid for Al-Ghārimīn During COVID-19 Pandemic in Malaysia*. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), pp. 36-62.
5. **Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil**, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Azman Ab. Rahman, (2020). *Advantages of Temporary Waqf in Combating COVID-19 Pandemic in Malaysia*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA2020). Faculty Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 3(1), pp 167-180.

B) Chapter in Book

1. **Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil & Muhamad Firdaus Ab Rahman** (2022). *Wakaf Bertempoh Sebagai Mekanisme Alternatif Dalam Membantu Kerajaan Malaysia Menghadapi Wakaf COVID-19*. Cabaran COVID-19 & Penyelesaian Pengurusan Harta Islam, pp. 80-99. USIM PRESS. ISBN 978-967-440-901-2.



APPENDIX B

Interview




Figure 5: Interview session with the representative of Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Tuan Fakhruddin.



Figure 6: Interview session with the representative of Jabatan Mufti Negeri Perak, Dr. Luqman Abdul Motalib.




Figure 7: Interview session with the representative of *Jabatan Mufti Negeri Terengganu*, Haji Talib Abdul Rahman.




Figure 8: Interview session with the representative of *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak*, Tuan Munawir Mohamed Noh.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN HAJI FAKHRUDDIN DARI
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

Dr. Firdaus: Ermm jelas setakat ni, soalan jelas ya Tuan? Supaya kita boleh *go through*

Tuan Din: Iyaa

Dr. Firdaus: Ermm yang pertamanya kita akan melihat berkenaan bahagian pertama. Berkenaan takrif, jenis-jenis, dan mazhab yang digunapakai dalam masalah wakaf. Kita tengok berkenaan dengan jenis-jenis wakaf dulu tuan. Pada pandangan tuan, di negeri Pulau Pinang sendiri, ermm adakah dibenarkan perlaksanaan wakaf ermm wakaf khairi khas, iaitu maknanya pewakaf boleh menghadkan pembangunan wakaf. Dia beri sejuta, kami nak madrasah sahaja. Yang lain kami tak nak, haaa. Apa pandangan tuan? Adakah sedikit kekangan dalam konteks itu?

Tuan Din: Aaa okay, terima kasih kepada Dr Ainul, Dr Muhammad Firdaus, Encik Aiman, dan seorang lagi baru masuk ye. (Dr. Firdaus: Iya iya) Okay apa nama. Saya pun ini sekadar perkongsian. Mudah-mudahan memberi manfaat. Tak semestinya apa yang saya kata ni benar melainkan benar yang belaka lah. Hahahaha tak semestinya. Tak, ini kadang-kadang, saya bila dalam sesi ini, ada berdasarkan pandangan dan juga pengalaman peribadi sahaja. So boleh *check* balik. Apa yang betul ambil, apa yang tak benar tu tak payah lah yaa. Ok satu. Sebelum tu saya nak tanya, *school* mana ya, Dr?

Dr. Firdaus: Ermm kami semua ni daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Maknanya kita akan *focus* daripada *ta'sil fiqhiy* dalam konteks syariah. Begitu juga dengan perundangan semasa. Objektif kita untuk mengeluarkan enakmen wakaf khusus lah. Pada negeri Pulau Pinang dan sebagainya.

Tuan Din: Dulu siapa kat situ tu, Asmadi ya?

Dr. Firdaus: Dr. Asmadi FEM FEM.

Tuan Din: Ooo FEM.

Dr. Firdaus: Fakulti Ekonomi Muamalat.

Tuan Din: Ooo Ekonomi Muamalat (Dr. Firdaus: Ya) Ok tak pa. Aaa berkaitan dengan soalan yang dikemukakan, aaaa berkaitan dengan wakaf, wakaf khas yaa, wakaf khas, aaa di Penang. Dalam, dalam pembahagian kita ni memang lah, secara praktisnya pun

macam tu. Kita ada wakaf, wakaf am dan juga wakaf khas. Wakaf khairi dan juga secara am, dan juga wakaf khairi secara khas yang telah ditentukan. Haa ok satu nya. Aaaa duanya. Dalam pentafsiran khas kita tu apabila pihak pewakaf menyatakan, aaa tujuan-tujuan tertentu, aaa yang dinyatakan oleh pewakaf bagi maksud menunaikan hasrat dia. Okay, haa tu dalam kategori yang kita kata khas. Aaa dalam pemahaman saya sebelum ni, SEBELUM NI lah, sebelum ni. Kita dok paham wakaf khas, aaa am khas ni, wakaf am tu die boleh buat apa saja, wakaf khas tu ditentukan Masjid Quba' dan sebagainya lah. Aaaa tapi dalam beberapa kes saya bawa kepada fatwa, aaaa di aaa sebutkan apabila pewakaf menyatakan hasrat-hasratnya yang tertentu, contoh macam Seete Aishah sendiri lah senang. Dia ada tujuh amanah dia, dan itu ditafsirkan oleh aaa dikategorikan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa sebagai wakaf khas, sebab dia nyatakan secara *specific* apa yang dia nak buat. Tetapi dari segi, apaaaa, praktis amalannya, proses memanfaatkan harta itu kita boleh pelbagaikan lah. Yaaa untuk aaa mendatangkan manfaat sebagaimana yang dihasratkan oleh pewakaf. Ok, aaa kemudian, aa itu dalam wakaf khas, aaa wakaf khairi secara khas nya. Itu pun dikategorikan dalam khas selain daripada wakaf yang dikata khas semata-mata untuk tujuan Msjid Quba', dan surau dan sebagainya, sekolah agama. Itu pun dikategorikan sebagai khas. Tapi saya, saya, dah nii, apa nama, dalam, Dr dalam bidang syariah kan. So, saya teringat masa dok belajar usul fiqh tu dulu. Saya pun, saya pun dok teringat, eh ni am bi makna khas ke, khas bi makna am ke. Kita belajar bab-bab kaedah tu kan. So saya teringin juga di dalam kajian ini, boleh dilihat dari segi perspektif usul fiqh. Adakah dia... Sebab, sebab dalam perbahasan am khas kita ni, kita pergi satu *layer* ja. Aaa khas untuk masjid surau kita dok faham yang tu. Tapi bila kita mari, bila kita praktiskan rupanya perkara tu agak berbeza daripada pemahaman. Dan aaa kadang-kadang, dari segi ni pun saya nampak ada, aaaa aaaa, apa nama, pemahaman yang berbentuk *stereotype* begitu, kan? Aaa, so alangkah baiknya kalau benda ni dapat dikupaslah. Wallahu 'alam.

Dr. Firdaus: Masya'Allah. Terima kasih, satu soalan pertama yang sangat padat. Dia sudah merangkumi beberapa soalan sebenarnya. Yang kedua, yang pertama tadi berkenaan dengan khas. Kita tahu aaa pentakrifan khas ni kadang kala khas kepada individu, khas kepada tujuan. Ok soalan kedua ni berkaitan, contohnya khas kepada individu dia akan jadi wakaf dzurri. Adakah dilaksanakan di Pulau Pinang? Wakaf khusus kepada ahli keluarga.

Tuan Din: *Alright*. Saya juga nak bagi, kita kata bola tanggung lah kepada pasukan kajian ni. (Dr. Firdaus: Hahahaha) Ok, dia dalam kategori wakaf dzurri, memang dalam kes kami, ada disebutkan secara jelas untuk keluarganya. Ada satu amanah wakaf itu 1896, saya ingat amanah dia. Untuk anak cucu dia, keluarga dia, keturunan dia tu belajar di Mekah, atau pun di mana-mana tempat yang depa nak belajar. Tanah tu hampir dalam 6 ke 7 ekar tu, dia sebut secara *specific* untuk keturunan dia nak belajar. Haa tu wakaf dzurri. Itu ditafsirkan sebagai wakaf dzurri. Ada lagi disebutkan, apaaaa, ditafsirkan sebagai wakaf dzurri apabila dia kata manfaat kepada harta tersebut, bagi keluarga dia dan keturunannya. Dia sebut begitu. Ok dalam amanah dia. Ok cuma yang saya sebut dalam satu benda yang kita boleh *explore*, kalau kita lihat dari segi beberapa amanah wakaf, haa saya banyak saya *relate* juga dengan Seete Aishah, dalam beberapa amanah wakaf yang lain dia punya *pattern* dia lebih kurang sama. Dia sebut untuk kebajikan ini, untuk buat umrah, untuk hantar ke Mekah bagi tujuan wakaf, untuk *repair* masjid untuk api air masjid dan sebagainya. Lepas tu dia sebut juga, kalau ada lebihan, bagi kepada keluarga dia yang miskin. Selalu persoalan dalam orang yang buat kajian, orang kata ada hat ni termasuk wakaf dzurri ke dak? Kan? Dan juga ada, ataupun ada dia orang bawa sendiri atas tafsiran atas saya dok cerita macam ni. Depa anggap itu sebagai wakaf dzurri. Bagi saya sebagai *practitioner*, benda tu kita kena cermatlah. Takut nanti orang ambil hat hujung tu wakaf dzurri, hat 5 6 amanah sebelum tu dia tak ada, dia lupa dah. Haa sebab kita punya zaman sekarang ni, kami punya *challenging*, nilai hartanah tu tinggi. Kemudian ramai orang nak ambil peluang dan kesempatan. Ok, kita tak mau jadi *misleading* kepada *beneficiaries* termasuk apa nama, keluarga dia. Dia anggap seolah olah itu menjadi hak milik mutlak depa. (Dr. Firdaus: Betul) So, benda-benda tu kene jelas lah. Ermm.

Dr. Firdaus: Okay, Alhamdulillah yang soalan kedua ni, boleh saya rangkumkan, Sebenarnya wakaf dzurri di Pulau Pinang ini tidak *focus* kepada wakaf dzurri sahaja. Saya boleh katakan dia adalah wakaf musytarak. Membawa maksud, dia *combination* antara am, khairi, dan khas, dan ahli juga. (Tuan Din: Iya) Membawa maksud dalam satu amanah tu ada pelbagai, pelbagai tuntutan dan pelbagai hasrat yang perlu dilihat oleh setiap pelaksana lah. Satu idea yang baik. Ini sekadar perkongsian sahaja lah. Sebenarnya ini, kongsi-kongsi ilmu lah. Apa yang dilaksanakan di Singapore, macam di Pulau Pinang. Dibenarkan wakaf dzurri, tapi dia tak bagi dzurri sepenuhnya secara mutlak. Membawa maksud mesti ada *percentage* untuk khairi dan am. Jika tidak, kita

takut majlis agama Islam akan menjadi macam *foundation* pengurusan harta keluarga dia. Terus lagi dari matlamat wakaf tu sendiri. Terima kasih itu pandangan yang sangat baik. Kita akan ambil makluman. Seterusnya tuan, berkenaan dengan pengeluaran hukum. Kita tengok berkenaan dengan fatwa, atas sikit Ainul, terlepas tadi, atas sikit Ainul. Ok ermm, kita jelas ada dalam enakmen pentadbiran agama Islam Pulau Pinang. Makna kita mengutamakan *al-qaul* muktamad mazhab Shafie kan. So, dalam pandangan tuan sendiri, adakah semua hukum hakam wakaf memang kita akan *absolutely* ikut pandangan muktamad mazhab Shafie? Jika kita nak keluar kepada mazhab, *talfiq* kepada mazhab yang lain untuk lebih dekat dengan masalah, apakah dia punya *ground*, apakah dia punya sebab, alasan yang dibenarkan, itu Tuan. Makna nya soalan in merangkumi 3 dan 4.

Tuan Din: Kalau soalan ni, kena tanya pejabat mufti. Apaa, tapi bagi saya, setakat yang kita kemukakan isu-isu berkaitan dengan wakaf dan *paper-paper* berkaitan dengan fatwa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri, dia tak, apa namaa. Walaupun enakmen kata berdasarkan pandangan mazhab Shafie, tetapi dia tidak tertakluk untuk mazhab Shafie. So, hat tu boleh cek dalam enakmen lah. So, ada pandangan-pandangan fatwa yang dikeluarkan berpandukan kepada pandangan-pandangan mazhab lain lah. (Dr. Firdaus: Ok) Tapi yang cek dengan pejabat mufti lah. Hat tu soalan depa tu.

Dr. Firdaus: Ok Insha'Allah, sebab kita pun ada tanya kepada mufti Insha'Allah. (Tuan Din: Yaa) Okay itu selesai. Ok terus masuk berkenaan dengan kita punya orang kata *Lubbul Masalah*, dalam Bahasa Arab la kita kata *Lubbul Masalah*, objektif kita sebenar. Kita nak masuk berkenaan dengan wakaf sementara ni lah. Aaaa yang pertama berkenaan dengan *sighah* atau pun *contract* penulisan, sama ada *bil lisan*, atau pun *kitabah*, atau pun *isyarah* ya. Ok, *sighah ta'bid* atau *ta'qit*. Apakah pandangan Tuan berkenaan dengan wakaf sementara? Apakah *masalah* dan *mafsadah* pelaksanaan wakaf muaqqat di Malaysia? Adakah ianya bertentangan dengan objektif dan tuntutan utama wakaf tersebut?

Tuan Din: *Ok, Alright*. Saya dari segi prinsip mazhab Shafie tu kita pegang. Aaa dan aaa *flexibility* yang ada pada pandangan-pandangan mazhab yang lain pun itu sebagai sebahagian daripada masalah. Saya bila timbul persoalan yang sama juga, kalau kita isu fitrah kan (Dr. Firdaus: Betul) Bayaran zakat fitrah. Kita banyak *taqlid* pada pandangan mazhab yang lain. Kita dok bayar duit kan. Kita tak pergi macam dulu kita

dok bagi beras sekatan, *min qutil balad* tu kan. So, semua keadaan tu aaa ikut dalam keadaan semasa walaupun pada pandangan mazhab Shafie, dia akan ada *relevant* dalam keadaan dan juga situasi tertentu. Mungkin pada suatu masa duit tu dah tak ada nilai. Yang paling bernilai adalah *min qutilbalad* makanan asasi sesuatu negeri tu. Apabila ada *recession* dan sebagainya, ada masalah kebuluran dan sebagainya, orang nak buat apa duit. Tak kan nak makan duit. Orang nak makan beras, nasi. So benda-benda macam tu dia ada kesesuaian dia. So saya juga lihat berkaitan dengan isu wakaf ni. Aaaa dari segi pandangan mazhab Shafie, yang meletakkan bahawa, aaa salah satu rukun tu, harta yang diwakafkan tu sendiri adalah bersifat kekal, muabbad. So waktu yang sama, kita melihat juga ada ruang-ruang yang diberikan pada mazhab lain untuk memberi tempoh aaa muaqqat, secara sementara. Aaaa dan di sana juga, aaa ada perbincangan dari segi masalah sebab apa sementara itu diperlukan. Ok, cuma bagi saya, aaa saya melihat dari segi disebalik, apa namaa, prinsip asas rukun yang ditetapkan dari segi syarat harta tu aaa pada pandangan mazhab Shafie, aaa dan saya nampak dia punya aaa *relevant* dengan syarat yang telah ditentukan itu, seolah-olah dia memberi satu *protection* kepada amalan mewakafkan harta ni. Aaaa untuk masa depan, aa bagi saya untuk masa depan harta tersebut, juga isu-isu dalam pemilikan harta tersebut ataupun peranan nazir dalam memastikan *stability* harta yang diwakafkan itu. Saya lihat pandangan mazhab Shafie tu lebih kepada itu berbanding dengan pandangan mazhab lain yang diletakkan dalam keadaan yang mengharuskan. Macam apa nama, Hanbali kan, mengharuskan dari segi pelaksanaan wakaf muaqqat, sebab, juga dilihat dari segi masalah dia. Orang nak buat wakaf, tapi dia punya keperluan kepada harta tu, mungkin satu hari dia perlukan. Pada ketika dia nak wakaf tu, manfaatnya mungkin dia tak perlu usahakan ketika itu. Ada juga manfaat dia, faedah dia. Cuma saya nak melihat dari segi implementasi, dari segi masalah dan mafsadah nya itu, dia akan timbul isu berkaitan dengan pendaftaran. Even tanah-tanah yang dikategorikan sebagai wakaf muabbad sekarang ni pun kita menghadapi masalah dalam pengurusan dan juga tuntutan harta-harta wakaf ni daripada pihak yang berkepentingan lain lah. Yang ada kepentingan macam warisnya dan sebagainya. Istilah-istilah yang dikatakan, tak kan lah dulu tok nenek saya kaya sekarang kami miskin. Tak kan dulu tok nenek saya harta punya banyak macam tu nak bagi dekat, seolah-olah nak bagi dekat majlis agama. Tak, dia kata. Dia tak paham konsep tu. So bila saya berada dalam situasi tu, saya, oh sebab tu lah pandangan mazhab Shafie ni dia mai dalam bentuk yang macam tu. Ok, disebaliknya ada keperluan-

keperluan. Kalau kita tengok, aaa orang yang nak buat wakaf juga, tapi dia kata mungkin suatu hari di pergi berhijrah di mana-mana, mungkin suatu hari dia nak balik maii. Pada ketika dia tak ada tu, dia harta tu dia nak diwakafkan. So orang lain boleh ambil manfaat, atau pun sekarang ni tanah-tanah dia duduk di kawasan-kawasan yang tak sesuai untuk dibangunkan. Tetapi dia juga boleh wakafkan sementara bagi tujuan pertanian. Ada, ada dia punya relevansi dia dekat situ. Tetapi dalam saya menilai isu ni, aaa saya berpandangan, eh, kalau prinsip asas nya adalah wakaf itu berpandukan pada mazhab Hanbali, itu dia kata dia aqad kepada manfaat kepada harta tersebut. Bila aqad kepada manfaat kepada harta tersebut, sebab apa kita tak boleh menggunakan *approach* dari segi, apa namaaaa, contohnya perjanjian, tadi, tadi yang saya sebut masalah pendaftaran tu sebab ada isu lain yang saya nak sebutkan. Isu lain maksud saya, tanah tuu proses kalau muabbad tu dia kena daftarkan atas nama majlis agama, pindah milik pada ketika hayat dan kekal atas nama majlis agama sebagai pemegang amanah. Ok, itu dia punya isu dia. Kemudian, kalau dia pergi atas nama muabbad itu tadi, *instrument* untuk melaksanakan pendaftaran itu aka nada masalah. Mungkin orang kata mungkin lebih pada 3 tahun boleh daftar lah, sebagai, apa namaaaa, pajakan dan sebagainya. Maksudnya, didaftarkan aaaa sebagai wakaf dalam tempoh tersebut. Tetapi *instrument* tu akan menjadi masalah dari segi perlaksanaan. So, cuma bagi menunaikan, meraikan, pada pandangan mazhab Hanbali atau pandangan mazhab lain yang membolehkan. Adakah tidak, boleh kita laksanakan. Ok dalam tempoh tersebut, aqadnya bukan aqad wakaf tetapi dia memberi ruang kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengusahakan harta tersebut untuk mengambil manfaat. Apa-apa hasil yang diperolehi daripada manfaat tersebut dijadikan sebagai wakaf. So, bukan harta tu sendiri dalam tempoh tertentu dijadikan sebagai wakaf. Sebab saya takut dengan isu konflik itu tadi lah. Tetapi, apa-apa aqad nya, apa-apa tempoh hasil dalam tempoh tersebut, ada *contract based* ka, perjanjian kontrak yang tertentu, maka semua hasil itu diambil sebagai hasil wakaf. Dijadikan sebagai wakaf, so Wallahu ‘alam. Saya tak perincikan la dari segi praktis dia macam mana. So bila dia jadikan wakaf tu, saya membayangkan kita laksanakan konsep wakaf tunai sekarang ni. Orang bagi duit dekat kita, kita ambil duit tu, kita jadikan ‘ain kekal sebagai wakaf. So, adakah proses itu boleh berlaku dengan mengambil kira, masalah dari segi perlaksanaan isu pendaftaran isu, apa namaa, cabaran-cabaran yang akan berlaku sekiranya tidak didaftarkan secara muabbad. Wallahu ‘alam.

Dr. Firdaus: Alhamdulillah, sangat jelas itu berkenaan dengan pandangan Tuan Fakhruddin mewakili Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Soalan seterusnya, berkaitan dengan peruntukan perundangan semasa. Bukan sahaja daripada luar negara kebanyakan ia kalau nak membahaskan dengan *al-waqf muaqqat* ni banyak akan ikut undang-undang Mesir 1946 berkenaan dengan wakaf sementara dibenarkan. Ada tempoh yang dibenarkan 60 tahun, itu undang-undang Mesir. Begitu juga, berdasarkan kajian kami, kami temukan Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983, agak terkejutlah sebab dia juga membenarkan wakaf muaqqat dilaksanakan di Malaysia dengan kaedah masa iaitu dalam tempoh 60 tahun, atau pun berdasarkan generasi, dua generasi. Ok yang soalan yang pertama tadi...(terputus)... majlis agama Islam Pulau Pinang, pandangan atau pun kritikan Tuan Fakhruddin berkenaan dengan peruntukan ini. Adakah dia bahaya, ataupun dia akan membuka pintu *al-waqf al-muaqqat* tu, atau pun bagaimana? Silakan Tuan.

Tuan Din: Ok, saya walaupun tadi saya tidak cenderung kepada isu wakaf muaqqat. Sebab, sebab apa, sebab kita tak bersedia. Dari segi *instrument* nya. So kita tidak boleh membahaskan dari segi *fiqh* semata-mata, tapi kita kena lihat juga dari segi implementasi dan juga *practicality* pelaksanaan proses tu sendiri. Ok so kalau kita bersedia, saya cenderung kepada pandangan mazhab yang membolehkan. Tetapi *make sure* kita bersedia, *make sure* kita bersedia. So *instrument* tu kene jelas, *mechanism* tu kene jelas. Aaa tapi apaaa, aaa pastikanlah dia punya, aaa kita bersedia dalam segala aspek. So, isu-isu yang kami hadapi dari segi kedudukan wakaf muabbad pun dicabar, kementelahan lah kalau dia bukan muabbad, iaitu muaqqat. So kita tidak bersedia. *At the end*, kita akan ada konflik. So, majlis agama sendiri, bagi saya lah, majlis agama kena bersedia. Dia bukan sekadar menyediakan ruang pada pandangan mazhab, dia kena ada ruang untuk macam mana dia nak *instrument* pelaksanaan tu. Kena jelas dan bagaimana boelh dilaksanakan, sebab bagi saya kalau tak buat macam tu pun alternatif yang saya fikirkan tadi pun aaa boleh menyampaikan, boleh menuju kepada hasrat si pemilik harta itu sendiri.

Dr. Firdaus: Ermm ok jelas pandangan Tuan Fakhruddin. Satu poin yang saya rasa sangat penting dalam mana-mana pengurusan wakaf di setiap negeri di Malaysia adakah proses, *dhowabit*, parameter tu kene *clear*. Kadang kala dia ada implikasi perundangan. Kalau...(terputus)... yelah dia akan claim jatuh dibawah faraid. Itu banyak berlaku,

banyak berlaku berdasarkan kajian semasa pun ada satu kes kita tahu di Pulau Pinang, saya akan tanya last sekali lah. Itu last sekali, itu open question lah. Ok aaa Ainul, seterusnya, soalan yang seterusnya Ainul.

Tuan Din: Yang, yang dalam ni soalan yang berkaitan dengan wakaf masjid apa semua tu kita jelas ya. Wakaf masjid, wakaf kubur. Itu *clear* lah. Hat tu tak boleh muaqqat lah.

Dr. Firdaus: Aaaa ok yang berkenaan dengan *dhowabit* tadi kita akan masuk di bahagian prinsip tadi tuan. Kita masuk bahagian prinsip. Jika kita nak melaksanakan apakah, kita nak cadangkan kepada setiap negeri, apa yang diorang perlu lihat. Macam tadi, isu pendaftaran pemilikan, macam mana nak dikembalikan balik. Kita tau majlis agama Islam adalah *sole trustee*, pemegang amanah tunggal. Dalam nak buat wakaf, kita kene pemindahan milik. So dia akan jadi *complication* banyak melibatkan kanun tanah negara dan sebagainya. Ok soalan nombor 7 ini, nak tanya tuan berkenaan dengan Jawatankuasa Fatwa yang 2004 telah pun membenarkan tanah *leasehold*... (terputus)... 99 tahun lah. Adakah keputusan ini seolah olah membenarkan wakaf sementara di Malaysia? Saya kaitkan dengan wakaf Seete Aishah. Itu kebanyakan orang tak tahu Tuan. Berkenaan wakaf Seete Aishah ini adalah usaha sama Uda Holding dengan majlis agama Islam berserta Bank Muamalat dan Bank Islam yang akan ada *confusion* berkenaan dengan aqad. Sebenarnya aqad itu adalah *long lease*, atau pun kita gelarkan sebagai *al-hukur*. (Tuan Din: Terputus-putus Dr.) (tidak jelas) Boleh tuan sharekan pandangan. Saya punya *line* terputus putus lah.

Tuan Din: Tak pa tak pa saya cuba faham, kalau saya tak menjawab tu minta tengok balik. Haha ok apaa, saya dalam isu *leasehold* tanah 99 tahun, berdasarkan pandangan Jawatankuasa Fatwa kebangsaan ni saya tak ada masalah dari segi kalau nak anggap itu sendiri sebagai wakaf muaqqat. Sebab kita kena paham dari segi asas pemilikan bagi, aaaa status harta yang nak diwakaf tu sendiri. Kalau tanah itu hak milik dia berstatus *leasehold*, dan orang tu nak wakaf, terserah lah. Apa namaaa, adakah itu yang ditafsirkan sebagai muaqqat. Maksudnya dia bukan atas sifat kawan tu nak jadikan tu sebagai wakaf muaqqat, tetapi hak milik tu sendiri yang bersifat muaqqat sebab dia bersifat pajakan. Berbeza dengan orang yang nak bagi tanah yang bersifat *freehold* tetapi dia sendiri yang aqad muaqqat, ok. Kalau dalam, kalau dalam konteks pandangan fatwa kebangsaan ni, tanah tu tu sendiri yang bersifat muaqqat. Ok, aa so aa ni dalam kajian ni kena jelas la aaa apa nama adakah ini bermaksud mengiktiraf kepada wujudnya

wakaf muaqqat. Sebab saya pasti kalau tanya kepada si pewakaf, si pewakaf mesti dia nak buat muabbad. Tetapi dia tak boleh pi ke situ sebab dia akan langgar *boundary* 99 tahun tu. So, maksudnya sifat pahala nya tu sampai 99 tahun saja lah. Maksudnya sampai tarikh hayat akhir dari segi pemilikan. Ini kena satu perbahasan yang paling-paling menarik kalau nak lihat dari segi status tanah *leasehold* itu sendiri. Ok dan juga kalau kita nak kupas lagi dari *instrument*, apa namaa, muaqqat dalam kategori tanah yang bersifat *leasehold*, dan juga dalam kategori pihka pewakaf sendiri yang nak mewakafkan harta nya yang bersifat muaqqat. Haaa tu dua benda yang berbeza.

Dr. Firdaus: Jelas jelas. Ok terima kasih tuan, Sekarang kita akan masuk soalan berkenaan prinsip lah. Ok, prinsip-prinsip perlaksanaan wakaf sementara. Jika kita nak laksanakan macam yang tuan cakap tadi, kita ada perlu persediaan, satu buat *homework* yang baiklah sebelum kita nak laksanakan. Memang fiqhiy kita benarkan, tapi kadang-kadang dia punya cabaran tu, dia akan menempelak balik kepada wakaf. Akhirnya akan jadi fitnah balik. Itu yang kita takut. So, prinsip yang pertama, prinsip sighth wakaf sementara iaitu konsep lah. Adakah perlu ditakrifkan wakaf sementara di dalam enakmen jika kita nak benarkan? Dan adakah...(terputus)... mendaftarkan wakaf sementara di dalam sighth permohonan wakaf? Iaitu di dalam sighth tu dia akan ada tempoh, adakah wakaf ini sementara, atau pun muabbad? Jika sementara berapa lama, adakah diperlukan? Itu ya.

Tuan Din: Aaa ok, aaa kami ada, di Penang kami sedang menggubal enakmen wakaf. So saya ingat lagi dalam draf enakmen wakaf kami pun kami meraikan keperluan wakaf muaqqat ini sendiri, ok. Tetapi apaaa, waktu yang sama bagaimana dia punya *instrument* dia, kita boleh *spell out* di dalam aqad dia. Tetapi dari segi nak protect muaqqat dalam tempoh, contoh 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, 30 tahun, adakah, apa *instrument* untuk dimasukkan? Kita boleh, aaa apa nama, sekiranya tidak ada *instrument*, maksud saya sekiranya tidak ada ruang bagi tujuan pendaftaran melalui peruntukan dalam kanun tanah negara di atas hak milik, letaklah macam mana pun akad dia, dari segi cantik jelas macam mana pun di dalam sighth dia, tetapi tidak ada *instrument* dari segi perundangan di dalam kanun tanah negara, dia tetap akan mendedahkan harta tersebut kepada dicabar, diseleweng, diputuskan dan sebagainya. So kalau nak buat muaqqat kena pastikan instrument pendaftaran itu melalui peruntukan kanun tanah negara itu dibuat. Kalau tidak, kita seronok ja pegang, ya kita pegang aqad

yang jelas dari segi muaqqatnya. Tetapi dari segi *dealing* atas hak milik tu atas nama pewakaf, tidak didaftarkan. Bila tidak didaftarkan dia apabila pewakaf dalam tempoh tu meninggal dan sebagainya, tak mustahil harta tu akan menjadi harta faraid. So masa tu konflik akan berlaku, kita akan, kita akan ada konflik. So *make sure* aqad tu jelas, *instrument* yang jelas, pelaksanaan yang jelas.

Dr. Firdaus: Ok sangat jelas. Saya sangat *happy* dengan segala jawapan yang diberikan oleh tuan. Sangat-sangat padat sebenarnya. Dia betul-betul mencerminkan operasi itu sendiri. Memang sangat-sangat bersyukur dengan kehadiran tuan hari ni. (Tuan Din: Ya Alhamdulillah) Ok tuan kita terus masuk yang kedua. Tadi *sighah*, *sighah* adalah yang paling penting betul, konsep, sebab penetapan sesuatu kontrak mestilah kena ada *instrument* yang jelas, betul. Malah bukan sahaja dalam enakmen-enakmen negeri, enakmen wakaf negeri, begitu juga kanun tanah negara disebabkan benda yang melibatkan harta tak alih ni. Dia akan melibatkan undang-undang sivil. Aaa tu yang kadang-kadang isu kita masuk dua mahkamah tu. Mahkamah sivil satu, mahkamah syariah ini untuk mendapatkan hukum je sebenarnya, di *support* dengan mufti, itu...(terputus)... Ok yang kedua, berkenaan jenis-jenis wakaf sementara. Ok sebagai contoh di Lubnan dan kebanyakan negara arab, dia membenarkan wakaf muaqqat ni tetapi untuk wakaf ahli haaa. Dia kata, ok kalau nak buat wakaf keluarga boleh tapi dalam tempoh tertentu sahaja. Akhirnya, dia kata akan dijadikan sebagai wakaf am supaya manfaat dia tu lebih menyerlah, manfaat dia tu lebih menyeluruh. Ok aaa pada pandangan tuan apakah wakaf, jenis-jenis wakaf yang sesuai untuk aplikasikan aaa wakaf muaqqat ni? Atau pun semua jenis wakaf? Dipersilakan tuan.

Tuan Din: Aaaa saya bagi saya tak ada masalah dari segi dia nak aplikasikan, dia mula dulu untuk keluarga lepas tu jadi am, lepas tu dia spesifik untuk tujuan tertentu, kemudian jadi am. Yang itu tiada masalah *as long* dia punya prinsip dia tu, aaa proses nya tu jelas. Sebab kalau tak jelas, isu-isu wakaf ni yang kami hadapi adalah masalah tu tak berlaku hari ni. Senang, senang saya nak bagi gambaran hari ni semua *happy*. Ada hamba Allah mai wakaf, duduk dalam satu masjid, mai wakaf di dalam masjid, semua jemaah dengar, semua jemaah *happy*. Semua buat sujud syukur, berdoa minta Allah turunkan keberkatan. Setelah hamba Allah tu balik, pengerusi qaryah, orang-orang yang bergembira masa terima wakaf tu, bila nak maii urusan dengan majlis agama, kita bergaduh. Sebab apa? Sebab harta yang dia nak wakaf tu ada isu-isu dia

yang nak, yang tak jelas. Ada perkara-perkara pentadbiran, pengurusannya yang tak jelas. *So in the end*, tohmahan mari kepada majlis agama, tak mau daftar tanah, tak mau terima walhal satu masjid dah dengar dah. Haa *so instrument-instrument* tu maksudnya, sama juga, yang ni yang saya cerita insiden hari ni. Tambahan pula insiden kita dengan *beneficiary* wakaf yang tak jelas, atau pun, kalau yang sebut tadi wakaf dzurri tu. Dia, dia, contohnya dia nikmati dalam tempoh 15 tahun, 20 tahun, 30 tahun, aaaaa apa nama kemudian lepas tu kita nak jadikan wakaf khairi, jadi wakaf am, kebajikan am lain. So pada masa tu seolah-olah kalau kita kata ni, seolah terputus nikmat dia lah. Hasil mahsul yang dia terima. Kalau dia pada ketika mana harta tu terputus untuk menjadi harta wakaf am, wakaf khairi lain tu, pada ketika tu dia pun tak peduli kepada keperluan harta sebab dia hidup senang lenang, tak memerlukan bantuan, tak apa. Tetapi pada ketika nak terputus manfaat ke atas dia tu, pada ketika itu dia jatuh papa kedana. So konflik akan berlaku. Kita di majlis agama konon-konon nya kami nak menunaikan amanah wakaf, kita cakap kat anak cucu dia macam tu atau pun kepada *beneficiary* wakaf macam tu, pada ketika itu, aaa konflik akan berlaku, konflik akan berlaku. Melainkan kita kata kita pi islah balik dia punya tu, haaa *beneficiary* dia termasuk pada keluarga dia, tapi kata untuk masa kebajikan tu kata, ok lah dia ni termasuk dalam kategori. So atas, atas kebijaksanaan masa tu, tapi kalau kita tak jelas benda tu, konflik akan berlaku.

Dr. Firdaus: Betul sangat jelas, dan saya yang dengar ni pun, naik bulu remang sebab saya banyak baca berkenaan perundangan, perundangan wakaf, konflik wakaf, semua disebabkan apa yang tuan cakap tadi betul. Semuanya betul. Disebabkan duit ni tuan, semua kelabu mata. Walaupun, bapak dia, tok dia kata dah wakaf, dia nak minta juga. Tak apalah, kita terus kepada soalan berikutnya. Ermm ok kita tau, tadi berkenaan dengan jenis. Sekarang ni berkenaan harta wakaf itu sendiri. Adakah wakaf muaqqat ni sesuai, kita nak laksanakan kepada semua jenis harta alih, tak alih. Kalau kita dapat *settle* pendaftaran, kita dapat *settle* di kanun tanah negara semua, ada *possibility* untuk melakukan. Tetapi satu wakaf ni dia akan pelik sikit. Berkenaan dengan wakaf nuqud. Wakaf nuqud di Pulau Pinang, kita perlu *convert* kan dia aset kekal. Baru nampak ‘ain tu kan? Tetapi dah ada dah negeri-negeri *start* mengatakan wakaf nuqud itu sendiri...(terputus)... akan mendatangkan satu konflik saya nampak, satu konflik. Sebab duit ni dia akan susut nilai. Itu *nature* duit. So, pandangan tuan sendiri, aaaa adakah, aaa prinsip untuk harta wakaf sementara ini, adakah dia sesuai dilaksanakan kepada semua jenis harta? Atau pun ermmm ada harta yang tidak sesuai? Contohnya

lah contohnya, adakah masjid nak buat muaqqat, tak boleh. Pandangan fuqaha' memang kebanyakan nya tak boleh. Tak kan kubur, nak buat muaqqat. Nak korek balik orang yang dah tanam, nak buh mana. (Tuan Din: Seronok la tuan tanah dia dapat baja free.) (Semua: Hahahaha) Itu persoalan. Terputus sikit, saya punya ni terputus sikit tuan. Saya tak dengar tadi, apa dia? Saya tak dengar, saya dengar gelak je.

Tuan Din: Kalau wakaf kubur tu, kalau wakaf kubur dia kata buat wakaf muaqqat. Esok nya dia pi korek balik tulang, tapi tanah dia dah subur la dapat baja free. (Dr. Firdaus: Hahahaha)

Dr. Firdaus: Ok pandangan tuan, macam mana tuan?

Tuan Din: Ok saya kalau wakaf muaqqat tu, prinsip asas tu, dia punya harta tu harta yang tidak boleh berkurangan. Harta yang tak, tak, tak boleh pupus dia punya manfaat tu. Haa kalau kata harta kekal tu, *for sure* lah rumah, tanah tu tak ada masalah lah. Tapi harta yang boleh, harta alih, harta tak alih, harta alih ni kena lihat betul-betul lah harta yang macam mana. Yang tak boleh menyusut nilai, menyusut nilai harta tu sendiri. Cuma isu yang Dr sebutkan isu duit tu tadi lah. Haa saya pun *confius*. Bukan *confius* macam mana, saya pun nampak ada isu besar kita dekat situ. Kalau kita anggap aaa, apa namaa duit tu sendiri sebagai 'ain wakaf. Aaaa sebab isu rosot nilai lah. Isu rosot, isu rosot nilai. Aaaa sebab tu bila mai part ni, saya lebih, saya, saya *respect*, saya balik kepada *respect* pada pandangan mazhab Shafie tu. Dia kena balik kepada 'ain kekal. Sebab saya selalu buat perbandingan dalam proses istibdal kami, dalam proses istibdal kami, dalam 10 tahun lepas, orang ambil tanah wakaf kata 20 ribu kaki persegi. Bayarlah 300 ribu ringgit, 10 tahun lepas. So kami nak cari, untuk tempoh 10 tahun lepas, nak cari hari hari tu la, tak dapat. Tapi kalau nak cari lepas 10 tahun, 300 ribu duit nilai 10 tahun lepas mungkin jadi tinggal 200 ribu. So isu dia, ada isu rosot nilai pada mata wang. Aaaa apaaa, itu lah dia punya ni. Kalau kata kita nak terima konsep wakaf alih tu, muaqqat kepada alih tu contohlah, contoh sebab ada, ada kes saya terima dia nak bagi dia kata dalam bentuk tunai 1 juta. Lepas tu dia kata, daripada 1 juta tu, semua dividen 1 juta tu kita masuk dalam...(tidak jelas)...ka apa semua, mungkin dah dapat berapa puluh ribu setahun. Daripada beberapa puluh ribu setahun tu gunakan untuk bagi biasiswa dekat pelajar. So itu pandangan *approach* yang menarik. Berbanding dengan saya pulak, saya balik kepada, kalau kita pi kepada isu aset, satu 1 saya beli rumah kedai, boleh dapat satu biji rumah kedai kemudian saya boleh sewa 2

ribu ringgit, so saya boleh dapat setahun 24 ribu ringgit. Kemudian duit itu saya boleh bagi biasiswa dengan 24 ribu ringgit mungkin saya ada kos pengurusan. Lepas tu saya akan isu *default* pada penyewa. Lepas tu paling-paling pun saya dapat 15 ribu ringgit lah. Tolak kos apa semua tinggal 10 ribu. *Compare* dengan dia bagi 1 juta, saya boleh dapat 70, 80 ribu untuk FD. So mana yang lebih menarik? So dari segi *smart management*, mungkin duit tu, wakaf tunai tu lagi menarik sebab dia tak ada isu *management cost* dan juga risiko. Cuma dari segi, satu segi, kita kena ingat kalau dia bagi satu juta, esok kita beli aset dia satu juta, mungkin lepas 5 6 tahun aset tu naik lagi, nilai aset tu akan bertambah. Tu *dilemma* la saya nak cerita *dilemma* dalam tu. Dia ada, dia ada *pro and con*, yang kita kena teliti. Pakar ekonomi kena teliti apa yang terbaik. Sebab saya juga berhadapan dengan *dilemma* dalam development wakaf ni, kita nak minta *in kind* ka, kita nak minta dalam bentuk apa namaaa cash. Contoh dalam dia punya...(tidak jelas)...kita kata kita dalam 30 percent, 30 percent, dalam satu *development* kita kata kita ambil 10 juta. 10 juta kita nak ambil dalam betul *in kind* ka, kita nak ambil dalam bentuk *cash*. 10 juta, 10 juta, saya ambil, saya buat pelaburan FD di majlis agama ni, di agensi kerajaan ni FD. So kita boleh, mungkin dapat dalam berates ribu dekat situ. Tanpa ada bebanan dari segi kita nak *manage*. (Dr. Firdaus: Betul) Maksudnya, tetapi dari satu segi kita tak akan nampak lah. Contohnya, aset tu kita bagi *lease* 99 tahun. Hanye selepas 99 tahun lah kita akan tengok ruh wakaf tu ada, yang lain kita simpan ruh dia dalam akaun. Ok, mana dia punya *spirit* dalam nak menampakkan aset-aset wakaf pada ketika itu. So benda benda ni saya, bagi saya la, bagi saya dia menarik dan dalam *dilemma*, dalam *dilemma*. Saya rasa bukan saya seorang ja bukan Majlis Agama Islam Penang saja, negeri-negeri majlis agama Islam lain kena ada satu *direction*, apa polisi kita. Contohnya, satu *development* wakaf tu kita dapat dia punya, kalau kita *return* kat kita, kita dapat 2.9 juta, tempatnya *strategic*, buat *housing*. So *management* fikir baik kita dapat cash lah 2.9 juta. Dan dia kita dapat beberapa unit rumah untuk disewakan. Tempat strategik. Saya punya *argument* dengan saya punya *management*. Ok dato' ka, tuan haji ka, boss kita ni, saya kata, tolong, tolong, sebab saya ni jenis ganas sikit. Haha saya boleh *argue* ja dengan boss saya. Ok tolong, aaa dato ka, tuan haji kaa, pada tu, ganti kan, carikan satu tanah yang sama nilai dengan satu tanah yang *strategic* macam mana kita *develop* ni. Dan saya nak bagi 2.9 juta kat dato' hari ni, saya bawa satu guni *cash*. Cari sama *strategic* tanah yang kita bangunkan dan kita lupuskan tu. Lupus yang *code uncode* 99 tahun lah. So atas tu dia kata tak pa

you buat *paper* balik lah. Masa tu saya, saya tak ada. Saya sambung belajar. Bila saya balik, eh ada keputusan macam ni. Sebab dia mai macam tu. Sebab bila kita transfer dalam *in kind* aset, kita akan ada macam, macam, macam *developer* lah. *Developer*, *normally* dia *develop*, dia *vine up company*, dia cuci tangan, dia untung. Esok dia buat *company* baru. Itu *game* depa. Tapi adakah kita dalam pengurusan wakaf dekat negara ni kena ada *game* yang sama. Di mana *spirit* wakaf kita? Kita tak mau tanggung *liability*, konon-konon nya bila kita ada aset kita tanggung *liability*. Apa beza *you* dengan *common developer* lain. So di mana *spirit* wakaf. So hat ni jawapan ni masih belum, belum ada secara *complete*. Saya sorang lah berhujah. Saya masih berpegang kepada kena pegang aset. Itu lah ruh kita untuk dipertahankan. Kalau tidak, wakaf kita, kita terima dan kita balik isu yang ditanya tadi lah. Isu *cash* tu. Maksudnya kita bermain dengan akaun dan dengan angka saja lah dengan angka ja (Dr. Firdaus: Tak nampak aset dia, 'ain dia tak nampak) Aset, ruh tu hilang. Wallahu 'alam.

Dr. Firdaus: Masha'Allah sangat menarik perbualan tuan haji ni. Kalau lah kami ada lagi masa ni boleh terus berjumpa lagi, lagi sedap ni. Saya orang Penang. Balik Penang boleh jumpa ni. Ok. (Tuan Din: Haa mai mai mai kita sembang hahaha. Saya pun tak banyak masa dah ni) Haaa tu lah saya nak percepatkan ni. Aaa ok tuan, tuan haji jawab ringkas ja tak apa. Berkenaan dengan prinsip masa. (Tidak Jelas) ketetapan masa. Kalau yang di, di, di, di Johor, dia kata boleh untuk 2 generasi ataupun 60 tahun. Sama juga macam dilaksanakan di di aaa enakmen, undang-undang wakaf Mesir. Begitu juga dengan Lubnan dan sebagainya. Begitu juga dengan Kuwait. So bagi pandangan Tuan, adakah ermmm semua, semua harta wakaf ini ada masa dia tersendiri? Atau kita boleh *standardize*? Ok 60 tahun, haaa semua 60 tahun. Bagi saya unfair lah. Sebab ada harta macam harta *manqulat* ni kan, kita guna dana manfaat. Sebab kita tahu dia akan ada tempoh dia akan ranap. Haaa so apa pandangan Tuan? Tempoh yang sesuai.

Tuan Din: Ok haaa tempoh yang sesuai satu nya kita ambil tempoh minimum la. Tempoh minimum. (Dr. Firdaus: Minimum.) So kalau ikut isu, kita menguruskan isu hal sewaan ni, tempoh minimum dia 3 tahun. Lebih pada tau. Lebih pada 3 tu kita kene masuk dalam pajakan lah. Ini *ghairu manqul*. Yang *manqulat* tu pun saya rasa, majlis majlis agama Islam sendiri pun tak, tak *prepare* lagi pun. Yang *manqulat* tu kan. Banyak orang buat wakaf, wakaf kereta la, van jenazah la, quran lah. Majlis agama tak terbuat kerja tu kan. Haa hat tu kita letak lah kat hukum fekah membahaskan. Melainkan majlis

agama dia ada satu sistem yang cantik macam Alibaba ka, Shopee ka, dia buatlah sistem macam mana dia nak mengawasi, apa nama, mengawal selia. (Dr. Firdaus: Haha Hebat). Yaaa dia kena ada idea tu lah kalau nak buat. Kalau tidak jangan buat. Kan. Aaa kalau kalau kalau. Aaa bagi *ghairu manqulat* ni maksudnya bagi saya tadi minimum 3 tahun. Lain tu dia kena isu pendaftaran lah. Maximum tu saya rasa *standardize* itu lebih baik, sebab bagi saya kot mana pun undang-undang ni kalau nak buat, dia kena selaraskan. Kalau tidak kita ada konflik. Wallahu 'alam.

Dr. Firdaus: Ok jelas, seterusnya ermm apakah prinsip pemberhentian wakaf? Contohnya wakaf muaqqat. Kalau 3 tahun la kan, so macam mana kita nak tarik balik kalau dah didaftarkan di di di aaa majlis agama Islam Pulau Pinang. Adakah Pulau Pinang, Majlis agama Islam Pulau Pinang *ready* untuk *let go* tanah tu? Kalau dia aset komersial, mendatangkan *income* macam mana? So apakah prinsip pemberhentian wakaf sementara? Macam mana nak berhentikan?

Tuan Din: Dia kena jelas. Bagi kita dia ada *mauquf alaih*. (Dr. Firdaus: Betul) Sama ada orang miskin, orang tertentu yang dituju oleh pewakaf. Aaa kita tak ada kepentingan apa. Saya letak diri saya tu, kalau kita terima harta tu, bukan kita boleh kata uih sayang nya harta nii, nanti hilang lah kita punya hasil. Tak. Bukan harta kita. Manfaat dia balik kepada *beneficiary*. So *beneficiary* la yang akan terkesan dengan prinsip terputusnya tu. So dia kena tengok lah, contoh dia dia letak wakaf tu dalam tempoh 5 tahun. Aaa lepas tu, *beneficiary* dia pun tak *prepare* pun untuk tamat. Dia dok *enjoy* 5 tahun, lepas tu 5 tahun 1 bulan, dia tengok bulan yang 1 bulan tu dia tak dapat *benefit* tu. So dia akan terkilan lah. So benda tu kot mana pon, aqad nya kena jelas, *beneficiary* yang disebutkan itu lah kena, kena terima. Dia kene terima hakikat tu. Majlis agama tak ada masalah kalau isu pendaftaran tu tadi kita aaa lepas kita buat pendaftaran pajakan contohnya, 5 tahun atas nama majlis agama sebab wakaf, *instrument* tu boleh buat. Tetapi apabila tamat tu, majlis agama buatlah pelepasan. As long *instrument* tu disediakan dengan baik lah. Hmm.

Dr. Firdaus: Ooo ok, Insha'Allah. Ok seterusnya berkenaan dengan prinsip had-had wakaf sementara. Kita tahu sebab bila wakaf muaqqat ni ada tempoh tertentu. So sepatutnya dalam tempoh tu tak boleh buat penarikan balik. So, apa pandangan tuan. Sebab dia '*aqd mulzim*', kita tahu. Dia *mulzim*, dia mengikat. Haaa so adakah dia sesuai

kalau kita nak letak klausa tu. Kalau dia buat 5 tahun, sepanjang 5 tahun tu dia tidak boleh buat penarikan balik.

Tuan Din: Ya bagi saya wajib letak tuu. (Dr Firdaus: ok haha) Kalau tidak dia tarik *handbrake*, macam tengah laju tarik *handbrake* habis semua pusing tunggang langgang habis. Kan maksudnya kita dah set kita punya macam tu, kalau *beneficiary* pun dia punya, dia punya *run*, dia punya ni *based* kepada salah satu sumber dia inii. Kalau dia kata ni, tak *prepare*, dia tarik *handbrake* kat tengah jalan, haaa tunggang langgang abih lah. Hmm.

Dr. Firdaus: Ok terima kasih. Ok terus Ainul bawah. Ok ni berkenaan prinsip dah selesai, yang bawah ni nak dapat sudut, tak nampak tak nampak Ainul. Bawah sikit lagi. Ok ini aaa 5 soalan akhir lah, sudut pandangan bentuk-bentuk wakaf sementara. Ok yang pertama ni, aaa contohnya laa, macam tadi, macam dilaksanakan di Lubnan, kebanyakan negeri cuba tak nak ambil wakaf dzurri ni disebabkan *complication* yang amat sangat. Kadang-kadang *beneficiary* dia minta tu macam minta bank. Tiap-tiap bulan kena bagi, tiap-tiap tahun kena bagi. Dia akan menyusahkan dia. So adakah kalau kita masuk *element muaqqat* ni, boleh aaa nak buat dzurri tapi dalam tempoh tertentu. Adakah, tuan jawab sesuai atau tidak je. Supaya cepat perbincangan kita.

Tuan Din: Aaaa bagi saya aaa tak sesuai laa, tak sesuai. Masalah wakaf dzurri yang kita urusi bukan masalah (Dr. Firdaus: wakaf dzurri *muaqqat*). Wakaf dzurri *muaqqat* ni, saya rasa bukan masalah wakaf dzurri ni, wakaf dzurri. Sebab nak mai nak main *muaqqat* tu sebab, sebab, apa namaa, sebab kita kata wakaf dzurri bermasalah. Tapi sebenarnya, wakaf tu sendiri, wakaf dzurri tu tak bermasalah. *How to manage*. Macam mana kita punya apa nama kolaborasi kita dengan, dan juga pemahaman daripada pihak waris lah. Kita tak boleh letakkan diri kita macam jadi hamba kepada waris-waris. So kita kena jadi *smart*. Kita jadii *manager estate* kepada waris-waris. Aaa so kita kena semangat. Aa lepas tu kalau, lepas tu nak letak hat wakaf muabbad aaa muabbad tu terserah lah. Aaa ni *muaqqat* tu terserah lah.

Dr. Firdaus: Ok itu termasuk la juga dalam ermm. Ini banyak merangkum la termasuk la juga dalam aaa apa khas la kan? (Tuan Din: Hmm) Kalau pun urusan dah betul ahli ke khas ke kita buat muabbad ke *muaqqat* tak ada masalah. Ok selesai. Yang ke 18, aaa 3 soalan akhir, ermmmm...(tidak jelas)...di di Seete Aishah tu. Selepas pemilikan 99

tahun, ermmm pemilik, aaa tak boleh pemilik. Yang yang menggunakan ermm ermm *property* dia akan pulangkan kepada majlis agama Islam lah kontrak dia macam mana? Kalau dia nak sambung lagi, boleh tak kami nak bayar *premium*? Nak sambung lagi. Disebabkan kita dah ada rohain kan, kita rohain kan aset tu.

Tuan Din: Ok ni apa nama, ni kita amik Seete Aishah eaa? Seete Aishah kan? (Dr. Firdaus: Hmm) Seete Aishah pajakan 99 tahun, tapi tanah tu tetap *freehold*. Dia punya *endorsement*, dia punya *instrument* dia bawah 15A punya borang pajakan. So dia hanya *enjoy* dia punya *benefit* dekat situ. Untuk tempoh 99 tahun, soalan yang sama saya tanya kat *board* saya, lepas 99 tahun kita nak sambung ka macam mana? *Board* saya kata masa tu depa boleh fikir, zaman tu depa fikir lah depa jawab sendiri macam mana. So, cuma yang saya boleh bayang kan, dari segi *instrument* 99 tahun ni pajakan negeri ni memang dah *apply*. Dekat Selangor banyak kes. Ok, cuma dia punya prinsip dia, dia boleh *renew current market value* tanah dengan 15 *percent* punya, dia punya bayaran *premium*. So sama ada zaman tu formula yang sama boleh digunakan ataupun saya punya version, zaman tu semua tanah tanah, pembangunan di atas tanah wakaf akan diperhancur, direlaikan, dan kita akan bangun semula.

Dr. Firdaus: Ok tuan, saya nak...(terputus dan tidak jelas)... merangkumi 3 soalan. Ok pandangan tuan, kalau kita masukkan wakaf muaqqat ni dalam *al-manqulat*. Pandangan tuan berkenaan dengan *al-manqulat*. Kedua berkenaan dengan duit, *cash* wakaf tadi. Disebabkan kalau tuan tengokkan ISRA, di bawah bank negara. Di bawah ni lah, kita punya dato', aaa dato' apa yang bawah UIA sekarang ni? (Tidak jelas) (Tuan Din: Daud Bakar) Haa Daud Bakar. Kan dia dah ke luar New Zealand. New Zealand *temporary cash waqf*. Dia telah meluluskan. Dia meluluskan. So dalam *temporary cash waqf* tu dia buat 2. Satu *investment*, satu dia buat *qardul hasan*. Haa pandangan tuan dalam konteks ini. Yang ketiga, di Kuwait dia buat *khibrah*. Kepakaran. Contohnya seserang tu Doktor...(terputus)...dia pakar. Kena beribu kita bayar doctor pakar tu. Dia kata tak apa, ini wakaf *lillahi ta'ala*. Adakah 3 ni kita boleh masukkan sebagai harta-harta wakaf yang boleh kita wakaf muaqqat kan dia? Itu soalan terakhir tuan.

Tuan Din: Soalan jawapan pertama, kalau *manqulat* tu, kalau dari segi *financial* apa semua, majlis agama tak *prepare* pun. Dia pun tak terbayang. Nak kawal lepas tu dia dari segi kuat kuasa undang-undang dia kata dia sebagai *sole trustee* harta wakaf. Tetapi dari segi kemajuan aaa apa nama *futuristic* punya wakaf punya *instrument* tu, majlis

agama tak pi sampai ke tahap tuu. So terserah kepada *market* punya ni lah. Haaa ok dua nya, dari segi isu apa nama, aaa wakaf kepakaran. Ini saya lebih, lebih. Sebab tu saya tertarik dengan pandangan mazhab Shafie tu. Sebab benda tu jelas. Benda tu jelas. Kalau harta tu harta, dia ada rukun harta dia sendiri. So bila kalau ikut wakaf tu, terserah lah. Last sekali dia jadi benda-benda kebajikan yang kita buat nak jadi pahala berpanjangan. Sama ada kepakaran itu dianggap sebagai benda yang boleh diukur, ataupun nak wakaf ni kena satu benda yang diukur, ataupun boleh saja wakaf aqad apa-apa pun tapi benda tu tak boleh nak di dikawal selia, didaftarkan, ataupun dikata apa lah. Wallahu 'alam ni benda ibadah. Atas apa-apa pun. Atas Allah nak terima dia. Cuma bagi saya kalau dari segi praktikal nya, benda yang disebutkan pada pandangan mazhab Shafie tu apa yang dibahaskan oleh ulama' tu, ada benda-benda yang boleh kita *neutralise* kan dari segi nak nak nak laksanakan. Tapi kalau aaa kata saya nak wakaf kepakaran saya doctor untuk ni apa, terserah lah. Dia niatlah. Dia dapatlah pahala kebajikan, penerimaan tu sebagai ibadah. Kita nak pi daftar kan sebagai doctor wakaf tak boleh lah.

Dr. Firdaus: Pengsan haha. Yang tadi last tadi, *qardul hasan* tadi. Yang New Zealand tadi.

Tuan Din: Aaaa itu pun sama, bagi saya kalau kata *instrument* tu boleh dilaksanakan, kita nampak dari segi keadaan semasa. Benda tu nampak dia punya manfaat dia tu kita nampak. So apaaa, penilaian kita adakah dari segi aaaa apa nama manfaatnya ataupun dari segi kawalannya. So kadang benda-benda tu yang saya kata kita dah tak boleh nak dia punya *advance* nya *instrument* wakaf hari ini yang berlaku dari segi *financing* punya ni, kita tak boleh nak nak nak membayangkan kawalan daripada peranan majlis agama Islam. So benda tu mungkin dah pi kepada part bank negara, *INCEF*, bank persatuan bank-bank Islam. So kalau nak pi ke situ, kalau majlis agama nak tengok, majlis agama kena ada *capability* pergi ke tahap tu. Kalau dia tak bersedia, dia tak boleh cakap benda tu. So benda tu akan terawang-awang diluar dan orang akan *claim* wakaf macam-macam rupa bentuk. Wallahu 'alam.

Dr. Firdaus: Alhamdulillah selesai dah sebenarnya soalan. Tapi satu lagi soalan ni orang kata bonus lah. Yang ni betul-betul yang di Pulau Pinang sahaja. Boleh tak, aa Tuan Fakhrul (Tuan Din: Aaaa sat na sat. Ok Ok) Kesian, dato' pula tunggu tuan tak apa haha. Alright.

Tuan Din: Dia Islam ni macam tu laaa. Dia tak kira pangkat hahahaha.

Dr. Firdaus: Ok sekarang kes tanah wakaf aaa sheikh aa sheikh Eusoof. Sheikh Eusoof. (Tuan Din: Ooo) Sebab kita tahu, saya tahu masih dalam perundangan. Masih dalam perundangan. Saya jelas lah, saya jelas. Saya tak tahu macam mana keputusan dan saya maklum team, team kedua perundangan dah masuk. Sebelum saya dah bincang, sekarang ni sebelum Najib and co. Sekarang dia dah masuk team kedua yang membantu majlis agama Islam Pulau Pinang. Begitu juga dengan aaa mufti wilayah persekutuan. So, adakah, sebab sekarang ni negeri ni menjadikan kes Eusoof ni sebagai rujukan wakaf muaqqat. Macam mana tuan.

Tuan Din: Ok bagi saya, saya jelas berkaitan dengan kes ni. Aaaa orang *claim* dia sebagai wakaf muaqqat. Kami masa peringkat penggubalan enakmen wakaf Pulau Pinang nak mengiktiraf wakaf muaqqat pun kita fikir 2 3 kali. Sama ada dia akan jadi *back fire* balik kepada kita, sebab kita mengiktiraf wakaf muaqqat. Haaa so bagi saya, bila kita *study* betul-betul balik kes tu, aaaa bila kita *study* betul-betul kes tu sebenarnya dia bukan wakaf muaqqat sebagaimana difahamkan sebelum ni. Ataupun team lawyer sebelum ni faham macam tu. Saya tak faham macam tu. Saya tak faham macam tu. Cuba *detail* kan dari segi dia ada 2 surat, saya adalah salah seorang saksi dan saya dah selesai dah buat penyaksian dekat situ. So cuba teliti balik dia punya dokumen aaa wakaf dia, aaa dia punya *deed poll*, dan *will*. Ok dua dua tu. Dua-dua tu dia ada kaitan, ok. Dia ada, kalau *study* la, kalau nak kaji, kaji dua-dua semua prinsip asas *syurutul waqif ka nassu syari*. *Nassu syari* di mana boleh dirujuk adalah di dalam surat ikatan amanah dia dan wasiat dia. So dalam surat ikatan amanah dia, *deed poll* dia dengan jelas sebut. Itu wakaf wakaf wakaf wakaf wakaf. Untuk ni, untuk ni, untuk ni, untuk ni. Saya ada kata 1 a b c d. So kalau baca dalam *will* dia, dia kata kalau buat ni buat ni, yang ini terbatal. A B C, D tak terbatal. Contoh la saya sebut. So D tu apa. D tu meliputi wakaf selama-lamanya. *In here forever*. So hujah ni la yang pihak waris tak faham, pihak *lawyer* yang sepatutnya faham undang-undang pun tak mau faham, ini yang kita cuba pertahankan. So istilah *in here forever* tu adalah benda yang menyelamatkan bagi saya. Jelas.

Dr. Firdaus: Tapi dia masih, masih di mahkamah?

Tuan Din: Masih. Masih. Dalam bulan ni kot ada kes berjalan. So saya senang ja, prinsip saya, prinsip kami kat sini, dah jelas harta tu wakaf. Kita pertahankan dia sedaya mungkin. Apa-apa pun Allah lebih tahu dengan hak bagi harta dia sendiri lah. Dia akan pertahan, Allah akan jaga harta dia. Tapi kita kena usaha lah sebaiknya. Wallahu 'alam.

Dr. Firdaus: Betul betul. Tuan ni ermm sebab apa saya tanya soalan tu, ermmm macam mana nak cakap lah, ingat tak team dulu Najib and co.

Tuan Din: Team dulu nama dia, aaaa (Dr. Firdaus: Najib and co), bukan Najib. Bukan dia punya Zainurijal sorang. Satu lagi nama Anuar and Co.

Dr. Firdaus: Dia guna nama, aaa *sorry* Anuar and Co yang mula-mula tu. Sebenarnya saya *involve* dalam kes ni *indirectly*. Saya dihubung oleh pihak *lawyer*, pihak *lawyer* untuk saya jawab soalan. Jawab aaa kritikan daripad Aznan Hasan, erm erm erm, Dato' Buang daripada UM tu. Tapi bila dah kos, dah aaa diturunkan...(tidak jelas)... turunkan, dengan team yang lain, haa yang tu saya tak terlibat lah. Saya memang dok *follow* kes ni, *follow* kes ni lah. So Insha'Allah ada, ada sinar...(terputus)... Kalau orang tak tau mungkin kat sini tak tahu, berjuta. Kes ni dia *claim* berjuta. So sebelum ni saya membantu majlis agama Islam lah dalam hal ni, tetapi sekejap saja lah. Tuan saya rasa macam terputus-putus lah macam cakap sorang ni.

Tuan Din: Haa terputus-putus. Terputus.

Dr. Firdaus: Haaa taka pa lah haha. Harap harap berakhir dengan baik lah tuan. Sebab aaaa, ahli keluarga dia tu bayar, ermm bayar professor yang mahal mahal lah. Professor yang mahal-mahal, saya kenal professor tu semua lah.

Tuan Din: Antara yang memperjuangkan wakaf muaqqat ni pun Dr. Aznan. Dia bermati matian mempertahankan. Bagi kami *you* baca habis habis la dia punya amanah. Kami nak mempertahankan harta orang yang dah mati. Orang yang tak boleh bangkit dan mempertahankan harta dia. Kami sebagai orang yang hidup, sebagai pemegang amanah wajib menyatakan apa yang dia hasratkan dan wajib mempertahankan atas amanah orang yang dah mati. So kalau kita yang hidup boleh *exploit* dan *manipulate* apa yang dia kata tu terserah kepada Allah ta'ala lah. Kita faham atas prinsip. Kita yakin dia ada buat. Sebab kita boleh bukti kan. Dia ada banyak lagi harta lain daripada harta yang dia wakafkan ni. Hat lain tu hampa dah jual habis, hari ni hampa nak mai tuntutan hat dia wakaf. Mana lagi yang nak tinggal kat tok nenek hampa. Wallahu 'alam. Hahahaha.

Dr. Firdaus: Hartawan Pulau Pinang. Orang Pulau Pinang kenal lah tu. Orang Pulau Pinang Kenal Sheikh Eusoof ni. Orang kenal. (Tuan Din: Betul) Ok lah terima kasih banyak tuan atas ermm satu perkongsian yang sangat baik lah dan telah buka perspektif yang baru. Kadang kala kita hanya tengok dalam perspektif fiqhi, takyif fiqhi, dari sudut perundangan. Tapi hakikat nya pelaksanaan, operational wise, dia banyak lagi tergendala disebabkan perundangan yang tak stabil, prinsip yang tak stabil. Aaa Insha'Allah kita sama-sama bangunkan wakaf dalam kepakaran yang berbeza. Saya dalam perundangan, tuan mungkin dalam *operational*. Insha'Allah mungkin selepas ini kita boleh buat kerjasama lain dalam penulisan ataupun sebagainya untuk membangunkan wakaf Insha'Allah. Terima kasih banyak Tuan Fakhruddin, saya sangat...(terputus)...orang kata sangat *fruitful*, sangat mendatangkan satu faedah yang baik lah. Terima kasih sangat banyak. (Tuan Din: Baik sama-sama) Insha'Allah saya balik Penang ni boleh jumpa kot Insha'Allah.

Tuan Din: *Call call call* tak ada masalah Insha'Allah. (Dr. Firdaus: Hahaha.) Baik, ok nah.

Dr. Firdaus: Ok terima kasih banyak. Ok saya, jumpa lagi lain kali Insha'Allah. Wallahu ta'ala 'alam. Kita akhir majlis kita dengan tasbih kifarah dan suratul 'asr.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN MUNAWIR, PEGAWAI
TADBIR BAHAGIAN WAKAF, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT
MELAYU PERAK.**

T. Munawir: Ok kamu dah, dah rakam call ye?

Ainul: Haa ye ye tuan.

T. Munawir: Aaa apa nii. Aaa setelah saya bincang balik dengan boss saya berdasarkan kepada soalan yang kamu berikan kepada saya, ok, ada 2 perkara lah, 2 perkara yang saya nak jelaskan di sini. Yang pertamanya, aaaa untuk, aaa tajuk ni sebenarnya kurang sesuai, aaa kalau kajian lapangannya kami lah, di Majlis Agama Islam Perak. Aaa sebab kami di Majlis Agama Islam Perak, untuk wakaf dalam bentuk muaqqat ni, aaa samada sighth dalam ta'bid atau pun ta'qit, kami belum, belum ada implementasi dalam pengamalan kami. Belum ada lagi. Belum buat lagi lah sebenarnya. Jadi, aaa yang pertama itu lah. Yang kedua nya, susulan daripada yang pertama tadi. Maksudnya, aaa kami bimbang kalau sekiranya setakat pandangan peribadi, dia akan tak *comply* lah dengan apa, dengan kajian yang kamu jalankan.

Ainul: Aaa faham.

T. Munawir: Aaa faham tak. Jadi setakat pandangan peribadi tu, boleh je kalau saya nak bagi pandangan peribadi. Tapi nanti nya macam saya ni mendahului agensi saya (Ainul: Aaaaa ok ok). Seolah-olah saya mendahului saya, eh, Perak tak buat, kenapa kamu bagi pandangan, aaa nanti jadi kecelaruan tu, tak harmoni lah. Situasi tu tak harmoni.

Ainul: Baik.

T. Munawir: Ya. Jadi daripada malam tadi saya bawa benda ni balik. Saya buka balik dalam *e-mail* apa semua kan. Saya tengok, cuba tengok balik dalam enakmen kami, lepas tu saya tanya dengan orang lama yang bertugas di Majlis, di MAIPk lah. Sebelum ni, apa, semua sama termasuk tadi saya bincang dengan boss saya. Boss saya kata, apa nii minta pandangan saya, boss saya kata, memang kalau kajian dia akan jadikan ini sebagai *reference* lah. Satu. Lepas tu yang keduanya, kalau setakat pandangan lepas tu naratif biasa, karangan biasa seumpamanya, itu peribadi lain. Kajian ni nanti akan melibatkan kepada analisis tertentu. Perak buat macam mana, ni buat macam mana. Dia tak ada sebut nama saya pun. Dia akan mewakili agensi, betul? (Ainul: Aaaa betul) Jadi

oleh kerana itu, saya dengan boss saya lah berpandangan, tajuk yang diutarakan kepada kami ni adalah kurang sesuaillah. Kalau apa nii, bimbang tu lah. Tak menepati kepada skop kajian lah.

Ainul: Aaa sebabnya, asalnya kajian ni. Sebenarnya kami interview semua negeri. So dia aplikasi ataupun tidak, itu adalah bergantung kepada negeri. Cumanya kami nak dapatkan sedikit pandangan andai kata di masa akan datang, nak diimplementasikan wakaf bertempoh ni, apa benda yang diperlukan oleh Majlis Agama untuk *implement* kan *temporary waqf* ni. Haa macam tu. Macam sebelum ni di Penang, memang 100% memang dia orang cakap dia orang tak buat *waqf muaqqat* ni.

T. Munawir: Penang pun tak buat?

Ainul: Penang pun tak buat. Jadi kami tanya Penang, kalau andai kata nak dibuat *waqf muaqqat* ni, sebabnya kalau kita tengok pada kajian-kajian lepas yang mana, apaaa, yang cendekiawan-cendekiawan Islam yang dekat luar. Mereka kata *waqf muaqqat* ni ada potensi untuk develop balik harta wakaf yang tak boleh nak bangunkan. Haa dia kata macam tu, and kami tanya pun dekat Majlis Agama Islam Penang, Tuan Fakhrudin kalau tak silap saya, Tuan Fakhrudin, dia kata *waqf muaqqat* ni memang ada potensi. Cuma kami tak *implement* kan *waqf muaqqat* sebab kami tak ada *instrument* yang jelas. Haa kami tak ada *something* yang boleh nak. Ok kalau kita nak *apply* kan *waqf muaqqat* ni. Kita nak kurangkan risiko dalam Majlis Agama nak uruskan *waqf muaqqat* ni, haa macam tu.

T. Munawir: Untuk maklumat Ainul lah, untuk makluman Ainul. Tapi benda ni pada saya sekadar perkongsian. Mungkin barangkali, kalau menepati kepada mana-mana MAIN, Majlis Agama Islam yang dah *apply*, atau pun nak dibuat penambahbaikan seumpamanya, mungkin ideanya beginilah. *Waqf Muaqqat*, secara peribadi saya lah, secara peribadi, sebab direkodkan, secara peribadinya saya berpandangan positif. Sebab ulama' terdahulu atau pun ulama' aaa apa nii yang berpandangan begini pun ada asasnya. Ok macam di negara-negara luar, contohnya macam negara arab, eaaa negara arab. Arab sendiri kita kenal bahawa masyarakat dia, aa tamadun dia dah terlalu lama. Satu. Kemudian yang keduanya, aaa rakyat mereka ni suka berkelana di luar negara (Ainul: Aaaa) aaa musafir keluar negara contohya berniaga, biasanya atas tiket perniagaan lah. Berniaga contoh daripada mesir pergi ke Syria, daripada Kuwait pergi

Madinah, haa macam-macam lah kelompok-kelompok kabilah arab ni. Jadi, oleh kerana itu, sementara mereka berniaga atau pun berada di luar negara, aa mereka wakafkan mereka punya rumah, mereka punya kenderaan, apa-apa harta yang mereka tinggalkan tu yang dalam keadaan elok, mereka wakafkan. Berapa tempoh dia? Ikut lah 5 tahun, 10 tahun. Ok jadi, aaa daripada harta itu tidak berguna atau pun ditinggalkan dalam keadaan tidak diguna pakai, atau pun sia-sia lah senang ceritanya, lebih baik ia diwakafkan. (Ainul: Aaa) Begitu haa. Ada pun di Malaysia, khususnya di negeri Perak, kita belum, belum lagi *apply* benda ni sebab *instrument* tu macam mana si ni cakap *instrument* tu betul. Dengan kaedah pemahaman kepada masyarakat satu. Lepas tu aaa apa nii, amalan dan budaya pemahaman masyarakat buat masa sekarang ni, kalau wakaf, wakaf terus. (Ainul: Hmmm betul tuan) Aaaa wakaf, wakaf terus. Tetapi kalau di sebahagian bandar besar, contohnya di Kuala Lumpur, di Putrajaya, sebagai contoh di Selangor, aaa. Di sana dah ramai dah, apa nii, pekhidmat-pekhidmat, atau pun individu-individu yang ditempatkan bekerja di luar negara. Staf Petronas contoh nya bekerja di Sudan, staf-staf yang apaa nii, yang daripada Wisma Putra ditempatkan. Memang dia orang ni, kerja *posting* sahaja. Wisma Putra kerja *posting*, dia pergi mana, wakil Indonesia 3 tahun, balik KL setahun setengah, lepas tu keluar balik pergi ke Argentina, di mana-mana apa nama, di mana-mana kedutaan. Jadi dalam tempoh itu, diwakafkan lah rumah dia. Diwakafkan dengan MAIN, aaa dengan MAIWP, 3 tahun, 4 tahun contohnya kan (Ainul: Ya). Aaa lepas tu esok dia balik, dia ambil balik. Haa macam tu. Jadi benda ni, macam mana ustaz Fakhruddin sebut, dia berlaku juga dekat Perak, *instrument* tu.

Ainul: Kiranya cabaran nak, nak *apply* kan *waqf muaqqat* ni pada *instrument* nya lah? Mesti kena jelas, macam tu ya?

T. Munawir: Aaaa haaa haaa. Pada ketika, masyarakat lebih selesa, mereka wakafkan, apa ni, aset-aset dan juga harta mereka secara berterusan terus. (Ainul: Hmm) Saya serahkan tanah saya, serahkan bangunan saya ni jadi wakaf kerana Allah Ta'ala. Jadi berpindahlah dari segi dokumentasi itu pada pihak MAIN, Majlis Agama Islam. (Ainul: Tuan maaf tuan, nak minta...) Contoh la kalau enta, enta sendiri, contoh kalau enta sendiri ya, enta sendiri rasa macam ada 3 ke 4 biji buah kereta contoh, haa contoh, rasa tak ada masalah, rasa apa nii, daripada kenderaan ni saya jual, harga pun tak berbaloi, lebih baik saya wakafkan. Wakafkan kepada apaaa, Majlis Agama, mungkin hantar

kepada sekolah agama rakyat ke, sekolah mana ke, contohnya untuk tempoh 5 tahun, untuk tempoh 10 tahun. 10 tahun esok, tahun yang ke 11 saya nak ambil balik lah, mungkin masa tu anak saya dah besar perlukan kenderaan ni semula. Antara contohnya macam tu lah.

Ainul: Haaa faham. Tuan, mungkin aaa saya nak minta tuan kongsi sikit lah berkenaan wakaf yang sedia ada dekat Perak ni, mungkin ada beberapa isu yang menarik yang tuan rasa ada kaitan dengan *waqf muaqqat* ni. Haaa missal nyaa.

T. Munawir: Buat masa sekarang ni, buat masa sekarang ni, aaa apa ni untuk amalan wakaf di negeri Perak ni, terus. Dianggap sebagai terus, dia bukannya *muaqqat*, dia dianggap sebagai wakaf yang berterusan lah. Tu sebab, apabila seseorang nak mewakafkan harta mereka, kita perlu ada beberapa sesi. Sesi temujanji, sesi perbincangan, supaya apabila mereka telah menandatangani dokumen pewakafan, dah lengkap dah *sighah-sighah* wakaf, mereka tak boleh nak tarik balik. (Ainul: Hmm faham) Haa contoh kalau kata la ea, saya nak wakafkan tanah, haa wakafkan tanah, berapa keluasan, 3 ekar, dekat mana kawasan, dekat Ipoh. Sebelum saya nak wakafkan ni, pihak Majlis Agama dia akan bincang dengan saya, wakaf ni tujuan apa, ada masalah tak atas tanah tu, ada sekatan ke tak, lepas tu ada tak masalah dengan adik beradik ke apa, ada apa-apa isu ke tak, haa macam tu. Supaya esok, nanti apabila dah lengkap dah dia punya *sighah* apa semua, tak menyesal ke, antara benda benda tu macam tu lah. (Ainul: Hmmm faham) Sebab kita dah berdepan dah dengan banyak scenario, banyak ni bila dah mewakafkan apa semua, lepas tu mereka buat tuntutan semula. (Ainul: Haa tu problem la tu, problem.) Tak jadi la ustaz, masa tu saya tengah kelam. Saya tak tahu nak buat apa. Saya dengar nasihat ustaz ni dia kata kalau nak keluar daripada masalah, apaaa nii infaq kan harta kita wakaf kan. Saya ingat wakaf ni boleh tarik balik apa semua. (Ainul: Haaa problem tu haha) Haaa senario-senario macam tu lah. Contohnya kan. Sebab kita dapatkan ketetapan daripada jawatankuasa fatwa negeri Perak, dan jawatankuasa fatwa memberikan pandangan dan ketetapan sebelum majlis menerima sebarang pewakafan, aset apa sahaja lah, aset alih tidak alih, dia kena bincang elok-elok dengan pewakaf, dengan waqif, nasihatkan. Tanya dulu itu ini apa semua supaya berlangsung ibadah itu dengan lancar lah, dengan lancar. Tidak ada ditarik balik apa semua sebab susah. Bila dah lengkap sahaja *sighah*, waqif, mauquf, mauquf alaih,

dengan sighth tu, dah lengkap je dia dah tertakluk dah. Dia dah tertakluk dah kepada wakaf tu.

Ainul: Haa ok tuan, saya ada soalan sikit tuan, dalam seksyen wakaf Perak tu kan, dalam apa ni enakmen wakaf Perak tu, saya tak perasan seksyen berapa, tetapi saya terbaca dia ada benarkan wakaf tanah yang disewa, betul ke tuan?

T. Munawir: Wakaf tanah yang disewa?

Ainul: Aaaa macam wakaf *leasehold*. Tanah tu berstatus *leasehold*, and then dia wakafkan dekat Majlis Agama Islam. Kemudian dalam tempoh yang tu je, tempoh yang disewa tu je.

T. Munawir: Ok aaa dia sebenarnya, aaa kalau ikutkan, Kanun Tanah Negara, KTN 1964, itu adalah *dustur* atau pun tempat *marāji*^c mana-mana pun dari segi perundangan tanah ni. Walaupun, walaupun dah jelas dah dalam seksyen 4, KTN tu dijelaskan bahawa aaaaa, apa-apa yang berkaitan dengan wakaf tidak, tidak apa ni, terkandung dalam KTN ni. Tapi, bilamana kita berurusan dengan pihak berkuasa, aaa merujuk kepada PTG, aaa ye lah yang berkaitan dengan pihak berkuasa tanah sekarang ni siapa? Pejabat tanah lah. Pejabat tanah dia punya rujukan apa? Dah tentu lah KTN, Kanun Tanah Negara 1964. Jadi KTN, dia bukan senang-senang nak bagi pada kita untuk aaaa, tempoh tu selama-lamanya. Haaaa, kita memang tengah berusaha ke arah itu. Untuk mana-mana tanah wakaf, untuk mana-mana tanah yang dalam bentuk irsad, aaa wakaf irsad di negeri Perak ni, kita memang tengah usahakan supaya pihak berkuasa negeri dari segi pendaftaran nya, diletakkan di situ, hak milik selama-lamanya. Sebab hak milik selama-lamanya ni hanya kalau dalam terma KTN ni, dia eksklusif kepada terma tertentu sahaja. Bukan semua boleh dapat. (Ainul: Ok faham) Jadi buat masa sekarang ni, oleh kerana itulah capaian yang boleh kita terima, termasuk rumah kita pun. Rumah, kalau awak beli rumah, contohnya, jarang sangat lah, kalau geran lama mungkin boleh lah dapat pegangan selama-lamanya. *Mostly*, boleh dikatakan *leasehold* 99 tahun pajakan, untuk akan datang aaa hampir baki berapa, 20 tahun umpamanya, 15 tahun seumpamanya, kita mohon balik dengan kerajaan untuk disambung *lease* tersebut. Macam tu lah.

Ainul: Ooo macam tu juga. Dekat wakaf Perak pun macam tu juga ya?

T. Munawir: Saya rasa ada yang terkecuali lah. Tapi satu Malaysia itu lah gambarannya. Dia satu Malaysia guna KTN 1964. (Ainul: Haaa faham) Saya tak pasti kalau ada negeri lain yang dah dapat perwakafan, *endorsement* dalam hak milik tu, dalam geran tu, pegangan selama-lamanya. Tetapi saya ada juga bincang benda-benda ini dengan kawan-kawan dari negeri lain yang pengamal wakaf ni, setakat ni belum ada lagi mana-mana pejabat tanah yang mengeluarkan hak milik selama-lamanya, pegangan selama-lamanya dalam aplikasi wakaf ni.

Ainul: Hmm baik faham. Tuan mungkin ada sikit lagi soalan berkenaan dengan wakaf tunai di negeri Perak. Macam mana ya tuan wakaf tunai di negeri Perak?

T. Munawir: Wakaf Tunai? (Ainul: Ya) Dana wakaf tunai Perak ni dia mula pada 2015, 2015. Haaa dia satu *trending* lah dana Wakaf Perak Ar-Ridzuan. Haaa ok, di mana, bila, bila kita kenal pasti, masyarakat semakin galak dan semakin sedar untuk berwakaf tetapi secara tunai. Mereka tidak ada aset aset tidak alih ni, tidak ada seperti rumah untuk diwakafkan, tidak ada tanah untuk diwakafkan, haaa, mereka lebih, mereka lebih apa ni, *muyul*, lebih cenderung kepada nak berwakaf secara tunai. So, sehubungan daripada itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Perak telah berkenan melancarkan dana wakaf Perak Ar-Ridzuan dengan beberapa, beberapa *instrument* lah. *Instrument* yang pertamanya, dia ada, aaaa dia ada dalam bentuk wakaf tunai am, (Ainul: Ok) dan juga wakaf tunai dalam bentuk projek. Wakaf tunai dalam bentuk projek, yang ini yang, yang apa nii, kita laksanakan 6, 7, 7 projek. Aaaa dalam wakaf tunai khas ni, dia ada 4 bidang utama. Yang pertama kesihatan, yang kedua keagamaan, yang ketiga apaaa nii, apa agama, kesihatan, aaa pendidikan, dan satu lagi ekonomi kot, perekonomian. Jadi setiap satu daripada 4 ni kita wujudkan pula projek di bawah dia. Kalau macam agama, kita wujudkan projek di bawah dia contohnya program tadabbur Al-Quran. Kalau macam apa nii, untuk pendidikan, kita buat projek untuk biaya pelajar dalam bentuk apa nii, wakaf, biasiswa wakaf, dan juga kita buat asrama untuk kediaman pelajar.

Ainul: Biasiswa wakaf tu, maaf bertanya Tuan. Biasiswa wakaf tu kiranya, duit tu jadi macam mana tuan? Dia jadi *ain* wakaf ke apa, macam mana?

T. Munawir: Dia kalau macam, wakaf tunai am, wakaf tunai am ni Majlis sebagai agen kutipan wakaf. Tapi kalau macam untuk projek base dalam bentuk program, dia aaa duit

tu, duit tu dia akan bertukar menjadi ain lah. Yang tukarnya dalam bentuk manfaat tu, ilmu tu.

Ainul: Kiranya di Perak, jawatankuasa fatwa ada kata duit ni boleh dijadikan *ain* wakaf la macam tu?

T. Munawir: Betul.

Ainul: Kiranya biasiswa tu, kita, kita panggil dia. Dia biasiswa tu dia jadi *qardul hasan* ke macam mana tuan?

T. Munawir: Dia biasiswa wakaf la, maksudnya dia biaya penuh la. (Ainul: Ok faham) *Qardul hasan* pinjaman tidak ada dividen.

Ainul: Kiranya biasiswa penuh dia tu tak perlu bayar balik lah kiranya, macam tu?

T. Munawir: Tak ada, tak ada, tak ada. (Ainul: Haaa baru saya tahu) Sama juga macam mana program tadabbur Al-Quran. Tadabbur Al-Quran. Duit yang diwakafkan oleh masyarakat, kita aaa kita buat dalam program dan kita cetak kitab, silibus-silibus untuk tu. Kemudian apa ni, maksudnya perwakafan tu dalam bentuk ilmu. Haa manfaat ilmu tu (Ainul: Faham-faham).

Ainul: Tuan, aaa mungkin ada sikit lagi soalan berkenaan dengan wakaf dzurri tuan. Perlaksanaan wakaf dzurri di negeri Perak. Macam mana tuan?

T. Munawir: Wakaf dzurri kalau ikutkan wujud dalam enakmen, tapi kita juga buat masa sekarang ni belum ada keupayaan untuk melaksanakan wakaf dzurri. Sebab kita tumpukan sekarang ni, untuk makluman ya, di Perak ni yang *special* sikit la di Perak ni. Fatwa telah memutuskan bahawa tanah-tanah, aset-aset yang dalam bentuk rumah ibadat dan juga tanah perkuburan, itu dianggap sebagai wakaf dan mesti di *endorse* kan di Majlis Agama Islam Perak sebagai pemegang amanah untuk wakaf. So kita dah kenal pasti bahawa setiap rumah ibadat, masjid dan surau, mesti didaftarkan sebagai wakaf. Tanah perkuburan mesti didaftarkan atas wakaf. Kalau macam sekolah agama rakyat, haa tengok, macam, biasanya orang akan buat kutipan wakaf sebab kita benarkan kepada masyarakat atau pun apa ni, pemain industri bagi yang nak melaksanakan sekolah tahfiz, sekolah agama rakyat seumpamanya ni, mereka buat dana, kutipan-kutipan dana awam dalam bentuk tabarru' ke. Biasanya dia orang akan *highlight* kan wakaf lah untuk pembinaan tahfiz, SAR ni. Haaa jadi itu kita *consider* juga sebagai

wakaf. So, asasnya aset aset wakaf di negeri Perak ni klasifikasinya, satu tanah kubur, yang kedua nya rumah ibadat, masjid dan surau. Dan yang ke empat, mungkin *instrument* dari sekolah agama rakyat, sama ada tahfiz atau pun sekolah agama lah senang cerita. Yang lain-lain tu contohnya rumah kebajikan anak yatim, rumah kebajikan orang-orang tua, haa yang itu masuk dalam wakaf khas. Tapi masih di bawah enakmen wakaf. (Ainul: Haaa ok faham) So, yang ini maksudnya, aaa kembali kepada soalan kamu. Soalan kamu tadi macam mana?

Ainul: Berkenaan perlaksanaan wakaf dzurri.

T. Munawir: Ok kami dari segi wakaf dzurri tu, sebab apa kita tak, aaa belum lagi nak mengorak ke arah itu sebab kami nak *settle down* dulu yang ini. Sebab yang ini pun, aaa kurang lebih, 4500 lebih lot yang kami kena uruskan. (Ainul: Besar) Ye lah. Kalau ikutkan memang orang, orang, orang banyak bercakap pasal wakaf di Perak ni. Orang sangat ramai bercakap bila dengar angka macam tu. Ye lah tanah kubur, apa manfaat dia? Orang mati la dalam tu dah. Masjid apa hasil nya? Orang sembahyang. Surau apa hasilnya? Orang solat. Sekolah agama rakyat apa hasilnya? Haaa ini. Tapi bila orang tengok dengan angka, dengan bilangan 4600 lebih, uii banyak tanah wakaf kat Perak. Tapi bila tengok daftar, tengok pada senarai, ooo kubur, ooo masjid. (Ainul: Haaa yang macam tu) Haaa bukan, bukan semudah yang disangkalah. Uii pasal apa dekat Perak ni banyak sangat tanah wakaf, ha tengok dulu. (Ainul: Tengok dulu tanah daftar untuk apa ya hahaha) Haaa tengok dulu tanah tu untuk apa.

Ainul: Tuan, berkenaan dengan wakaf dzurri, ada sebahagian negara dekat luar negara sana lah, mungkin ada dalam soalan ni, dia dah, Lubnan tak silap saya, Lubnan atau Mesir. Dia buang terus wakaf dzurri ni daripada enakmen. Sebab meraka kata, wakaf dzurri ni seolah-olah Majlis Agama atau siapa pengelola, pemegang amanahnya, seolah-olah nak jaga kebajikan family itu sahaja. Sedangkan tujuan wakaf ni kita tau untuk bantu orang ramai, untuk bagikan manfaat harta tu kembangkan untuk kegunaan umum. Sebahagian negara tu dia dah buang. Hatta Kelantan pun, baru-baru ni lah kami ada *interview* di Kelantan juga. Dia kata, Mufti Kelantan sendiri kata suatu hari nanti wakaf dzurri ni mungkin nak dibuang daripada enakmen tu sebab manfaat dia tu tak boleh nak berkembang ke tempat lain. Dia hanya berkembang dekat family tu sahaja. Jadi macam mana tuan, andai kata, andai kata, kita nak harmonikan juga wakag dzurri

ni dalam enakmen, kita wujudkan ia, wakaf dzurri ni kalau nak buat wakaf dzurri sahaja hanya lah di benarkan secara muaqqat. Macam mana tuan kalau macam tu?

T. Munawir: Dia kan, ini masih peribadi lah. Masih peribadi. Memang ada tertakluk dalam apa nii, dalam enakmen. Dalam enakmen Perak ni ada wakaf dzurri. Dan benda ni, saya bukan lah alim ulama' atau pun jawatankuasa fatwa yang layak untuk memberi pandangan. Saya hanyalah seorang pegawai yang berpengalaman pun cetek, dan berpengetahuan pun cetek. Tapi saya nak cenderung kepada pendapat yang mana tu, ye lah saya tidak menolak lah, tidak menolak mana-mana pandangan. Mudah-mudahan ada baiknya apa yang disebut oleh mana-mana pandangan lah. Bila kamu tanya saya pun ada kewajaran untuk saya suarakan pandangan saya. Berbalik kepada asal wakaf dzurri, kalau kita tengok dulu para sahabat nabi, ada antara nya Saidina Ali *Radiallahu anhu* juga antara yang tidak terkecuali daripada mewakafkan harta-hartanya. Saidina Umar. Para sahabat, kalau tengok dalam kitab-kitab wakaf yang muktabar, tidak ada sahabat pun pada ketika itu yang tidak mewakafkan harta mereka. Masing-masing berwakaf termasuk Saidina Abu Bakar contoh nya, dia wakafkan rumah untuk anak dia, contoh. Jadi mengambil semangat ataupun mengambil apa ni, pengajaran antara pesanan nabi, kamu tinggalkan zuriat kamu, isteri dan anak-anak kamu dalam keadaan berharta lebih baik daripada mereka meminta-minta. (Ainul: Ya betul Tuan.) Jadi antara pandangan saya itu lah antara *instrument*, mengapa para sahabat mengambil ihtimam, wakaf tapi ada sebahagiannya juga untuk ahli kerabat, untuk sanak saudara, atau pun anak-anak sendiri. Itu yang pertama. Kemudian yang kedua nya, aaa tidak dinafikan pada masa sekarang pun, ye lah dia melibatkan kepada aaaa apa aaa. Dia melibatkan kepada kita punya *insting* tau, *insting* kalau lebih tepat dipanggil apa ha? Kalau macam jiwa lah jiwa. (Ainul: Naluri) Naluri naluri. Dah tentu naluri kasih sayang, naluri kesian, naluri risau, bimbang. Aku ni akan mati, harta aku ni sebenarnya banyak, contohkan. Nanti anak-anak aku ni belum tahu lagi walaupun dia belajar pandai apa semua. Tapi belum tentu lagi pada masa akan datang dia dapat kerja. Haaa jadi aku nak wakafkan lah untuk anak-anak aku, haa kan. Jadi benda tu setiap manusia memang, iya laa nalurikan, memang ada, kita pun manusia normalkan. Tambahan ada pula dia harta, ada pula dia harta, dia nak kan supaya benda tu jaminan anak dia. Memang siapa pun namanya seorang bapa, seorang ibu, dia tak nak langsung anak dia dalam keadaan susah. Dia macam suatu benda yang mencabar dia. Suatu benda yang, ibarat dia, lebih baik aku susah daripada anak aku susah. Dan lebih baik aku mati dulu daripada aku

tengok jenazah anak aku depan mata aku, haa contoh macam tu lah. Jadi berbalik kepada yang tadi tu, maksudnya ada kebaikan dan ada juga benda-benda kekangan. Kita kata bukan keburukan lah, kekangan. Kebaikan dia macam tu lah. Contoh nya masa depan anak-anak ataupun zuriat kita terjamin, terjamin dengan pewakafan yang kita buat. Lepas tu dari segi kekangannya begitulah, lebih mementingkan ahli keluarga sendirilah berbanding dengan yang awam ni. (Ainul: pengurusan tu la ye Majlis Agama, nak fokuskan pengurusan untuk family tu pula ya?) Yang tu betul. Tapi itu point yang kecil lah pada saya. Point yang besarnya, iya la, dari segi *instrument* tabarru', ataupun aaa apa nii, mujtama' ni, kemasyarakatan ni. Dia semakin kurang menebal lah. Sebab dia akan lebih utamakan, dia akan lebih utamakan anak beranak dia, anak saudara dia, kerabat-kerabat dia, begitulah.

Ainul: Haa faham. Tapi saya ada baca satu artikel tuan, dia mengatakan bahawa wakaf zurri ni kalau nak dibuat secara mubbad, terus, berterusan kata dia, wakaf zurri ni perlu dibuat secara musytarak. Maksudnya wakaf zurri dan juga wakaf am, untuk masyarakat lain lah. Kalau macam tu, macam mana tuan. Pada pendapat tuan lah kalau macam perlaksanaan macam tu?

T. Munawir: Boleh tak ada masalah pun kalau dia nak, aaa contoh, contoh kan. Dia masuk dalam khas sebenarnya. Ok contoh kalau katalah dia masukkan, aku wakafkan harta ini, manfaat daripada wakaf ini akan pergi kepada siapa dia *list* kan. Yang pertamanya aa, musytarak, untuk mujtama', kata lah, ok untuk masjid berapa peratus, 20%. Yang kedua untuk tanah perkuburan 20%. 20% lagi untuk anak-anak aku, haa contoh macam tu laaa. (Ainul: faham) Haa faham. Jadi apa nii, kalau dia nak apply lah. Tapi pada ketika ini, nampak nya untuk mujtama' tu, belum tahap, belum tahap apa, belum tahap *independence*. Haaa faham (Ainul: Haa faham). Maksudnya masyarakat masih lagi di tahap memerlukan wakaf ni. (Ainul: Faham, betul tuan, betul.) Jadi mungkin pada suatu ketika esok kita buat ni pun, masing-masing bertolak-tolak, bertolak-tolak faham? Berebut-rebut lah. Aku nak buat wakaf, aku nak buat wakaf. Maksudnya masyarakat masa tu dah tak heran pun dengan wakaf masa tu, sebab masing-masing dah berwakaf, haaa jadi mungkin *portion* yang sepatutnya untuk mujtama' tu kita boleh tarik untuk dzurri. Mujtama' buat masa sekarang ni kira sepenuhnya. Untuk wakaf, macam Majlis Agama pun sebenarnya, untuk tadbir urus wakaf ni, kadang sedih juga la saya nak cakap dekat kamu, tapi tak apa lah. Biar kamu

tahu lah Ainul. (Ainul: Boleh boleh.) Macam mana ni kan. Sebab orang dok ingat Majlis Agama ni banyak sangat duit. Banyak sangat duit, banyak sangat apa ni. Sebenarnya Majlis Agama bila melibatkan wakaf ni, kita hanya ada kuasa untuk pemegang amanah tunggal bagi harta-harta wakaf. Maksudnya, baik tanah ke, bangunan ke apa, *endorsement* pada pemilikan itu, atas kami. Adapun sumber-sumber tu biasanya kita akan kembalikan balik baik masjid, surau, tanah kubur, sekolah agama rakyat, kita akan kembalikan balik. Cuma, cumaa, sedikit yang menyeronokkan kami dalam membantu masyarakat ni, contohnya, contohnya, kalau sesebuah kawasan tu ada orang nak berwakaf bagi tujuan sama. Masjid. Ustaz saya nak wakafkan tanah saya seluas 10 ekar. Untuk apa? Untuk masjid. Masjid dah ada tuan. Saya nak buat juga masjid. Tak boleh, benda ni telah ditetapkan dalam hukum syarak. Bukan nya kami yang memandaimandai bagi tahu. Dia ada qaryah dia, ada fasilitas dia. Haaa begitu. Jadi kalau begitu kita nasihatkan balik pada pewakaf. Macam nil ah, jalan juga wakaf tapi sebagai saraan kepada masjid sedia ada. Haaa faham saraan. Maksudnya tanah tu kita terima lepas tu kita warwarkan kepada siapa-siapa yang berminat untuk buat kemajuan atas tanah itu, sama ada dalam bentuk pertanian, dalam bentuk apa ni, apa-apa saja lah yang boleh mendatangkan perekonomian. Dia sewa pada kita, pada MAIPk apa semua, kepada kita buat perjanjian apa semua, harta sewaan kita akan salurkan balik kepada masjid yang berkenaan, bukan pada kami. Haaa faham, yang itu orang tak nampak, orang ingat majlis agama ni pegang duit. Bukan. Tapi masalah nya masyarakat sendiri dia akan, keluarga tu sendiri tak nak cerita. Lepas tu mereka la kena cerita. Sama juga dengan duit zakat kan. Kami sebab pemegang amanah untuk zakat ya. Pemegang amanah untuk zakat. Dia orang bayar zakat, bukan untuk kami. Kami salurkan balik (Ainul: Haaa faham) Tapi oleh kerana asnaf, saya dulu pun asnaf masa mengaji tapi saya malu saya nak mengaku sebagai asnaf. Masa saya belajar dulu, saya pernah terima duit zakat. Tapi bila Majlis Agama tu dia balun dengan masyarakat ke apa, saya pun malu nak mengaku. Sebenarnya duit zakat tu sampai kepada saya dan yang terima. Sama juga macam pengurusan wakaf tadi. Bila jawatankuasa-jawatankuasa ni dia tidak ada kuasa untuk *sign* perjanjian apa semua. Perjanjian mesti dibuat dengan Majlis Agama baik tanah saraan untuk surau, untuk sekolah agama rakyat, untuk kubur, kubur pun kita buat terima macam tu. Dan...[tidak jelas]...kita buat tabung amanah perkuburan Islam. Contoh kalau kubur tu aaa ruang yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi satu kawasan, 10 ekar. Kubur. Jadi yang boleh dianggap untuk pemakaian semasa kubur

dalam 2 3 ekar. Baki tu kita sewakan. Kita tawar kepada penduduk setempat untuk sewa, buat aktiviti perekonomian. Tanaman sayur ke, apa ke, apa ke. Jadi hasil tu kita pulangkan balik kepada jawatankuasa-jawatankuasa kubur, untuk dia buat pagar, buat longkang, apa-apa keperluan. (Ainul: Haaa dia *rotate* balik) Haaa bukannya untuk kami. (Ainul: Orang silap faham di situ la ya?) Iyaa. Tapi itu mungkin lah. Tak apa lah nak buat macam mana.

Ainul: Aaaa Tuan, mungkin lagi sikit pendapat tuan berkenaan kalau andaikata, andaikata suatu hari nanti Perak, aaa apa, memutuskan dia orang nak buat wakaf muaqqat. Dalam enakmen, apa yang perlu ada? Mungkin dari sudut sighthnya kena *clear* ke. Tempoh, ke apaaa, tempoh wakaf tu kena *clear* ke, atau pun jenis-jenis hartanya. Haaa macam mana tu Tuan?

T. Munawir: Kalau saya lah, saya tak mahir sangat dari segi perundangan. Tapi kalau enakmen ni nak, dia memadai dengan ada satu aaaa klausa yang aaa apa ni menyebut mengenai *waqf muaqqat*. Satu enakmen. Tetapi ceraian daripada enakmen tu perlu diperhalusi melalui garis panduan. Perlaksanaan tu perlu ada satu garis panduan yang komprehensif daripada, bermula daripada wakaf itu sendiri, latar belakang dia apa semua, termasuk macam mana carta alir SOP nya, semua di situ lah. Penerangan mengenai perlaksanaan dia kan. Tapi kalau sebut pasal enakmen, tu lah enakmen perlu dinyatakan dalam seksyen-seksyen tertentu lah.

Ainul: Macam di Johor kan, dia tulis wakaf muaqqat untuk tujuan selain daripada masjid sahaja kata nya. Dalam tempoh 60 tahun atau pun 2 generasi dia kata macam tu dalam enakmen. (T. Munawir: Haa betul la tu) Macam tu la ye Tuan ye?

T. Munawir: Haa macam tu je. Lepas tu nanti, ceraian daripada kepada itu, macam mana nak apply benda tu, diturunkan melalui, melalui garis panduan, pekeliling. Aaaa macam mana staf nak apply benda tu. Dia aka nada satu garis panduan, pekeliling, aa apa-apa yang berkaitan lah. Carta alir dia, SOP nya. (Ainul: Ok faham)

Ainul: Ok Tuan. Saya rasa itu je lah kot maklumat yang perlu kami dapatkan. Banyak tuan bagi tadi. Terima kasih banyak-banyak tuan.

T. Munawir: Okay baik. Saya pun nak minta diri dulu. Assalamu'alaikum.

Ainul: Wa'alaikumsalam.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**ANALISA TEMUBUAL BERSAMA HAJI TALIB BIN ABDUL RAHMAN,
JABATAN MUFTI NEGERI TERENGGANU.**

Perlaksanaan wakaf muaqqat

1. Wakaf itu adalah menjadi milik Allah S.W.T. Bila menjadi milik Allah S.W.T, setiap benda yang wakaf ini dia akan berterusan. Dia tak boleh sementara. Jadi tidak lagi terlaksana di MAIDAM. MAIDAM tak buat lagi wakaf muaqqat.

Wakaf Khairi Khas & wakaf dzurri.

2. Istilah di sini (MAIDAM) kita panggil wakaf khas. Jadi wakaf khas memang ada di Terengganu.

3. Pengaplikasiannya bergantung kepada apa yang ditetapkan oleh waqif itu sendiri. Kadang-kadang wakaf khas ini wakaf berbentuk dinamakan wakaf zuriat misalnya. Jadi wakaf zuriat ini, manfaat daripada mauquf itu hanya khas untuk zuriat itu sahaja, tidak boleh guna untuk lain.

4. Dan kalau wakaf itu, diwakafkan untuk buat masjid misalnya. Maka mauquf itu hanya dibenarkan untuk manfaat untuk masjid. Tak boleh guna untuk lain kerana kita berdasarkan kepada “*syartul waqif ka nassu syari*”. Syarat yang diletakkan oleh waqif itu macam nas syarak.

Fatwa.

5. Dalam enakmen pentadbiran negeri Terengganu, fatwa pada umumnya adalah berdasarkan kepada mazhab Shafie. Tapi dalam kes-kes tertentu, yang mungkin tak boleh diimplementasikan mengikut mazhab shafie, boleh diterima pakai mazhab lain. Tetapi asas fatwa nya adalah berdasarkan kepada mazhab Shafie. Cuma ada kes-kes tertentu mungkin susah untuk dilaksanakan mengikut mazhab Shafie, kita boleh terima mazhab lain. Sebagai contohnya, misalnya, mengeluarkan zakat fitrah, kalau ikut mazhab Shafie mestilah qut, mestilah makanan asas tempatan. Tapi kita keluarkan bukan makanan, tapi nilai makanan itu sendiri. Iaitulah dengan kata lain keluar dengan wang, maka ini tidak ada dalam mazhab Shafie. Ini hanya berdasarkan di dalam mazhab Hanafi. Tetapi kerana ada masalah, sebab kalau terima zakat dengan dengan beras tu mungkin sulit untuk amil nak simpan. Kemudian pihak majlis pula nak adakan stor.

Kemudian kena jual lagi dan sebagainya. Jadi itu merumitkan, maka di situ kita boleh menerima pakai mazhab lain. Tapi kalau tidak menyebabkan kesusahan dalam pelaksanaan, pada umumnya memang fatwa berdasarkan mengikut mazhab Shafie. Kerana itu telah tercatat dalam enakmen pentabdiran islam negeri Terengganu.

Wakaf muaqqat. Perlaksaannya membawa masalah atau mafsadah. Objektif.

6. Wakaf muaqqat ini, kerana berdasarkan kepada pandangan jumhur wakaf tidak ada tauqit. Tauqit tak ada dalam wakaf. Bila wakaf dia akan jadi milik Allah S.W.T selama-lama nya. Cuma kalau tak silap saya dalam mazhab Hanbali ada, boleh ditarik balik. Kalau ada masalah boleh ditarik balik. Dalam mazhab Shafie juga jumhur ulama tak boleh tarik balik. Jadi oleh kerana itu, pada pandanagn saya, bergantung kepada situasi tertentu lah. Kalau benda itu kemungkinan, contohnya, misalnya, kalau manfaat mauquf itu tak boleh diambil, maka pihak yang mewakafkan itu, kalau biarkan begitu dia tak dapat apa-apa pahala wakaf nya itu. Jadi kerana itu, mungkin dia boleh tarik balik. Tapi setakat ini, untuk makluman anda di Terengganu tidak di terima pakai yang muaqqat ini. Dan dalam apa hal sekalipun, tak diterima pakai.

7. Pernah satu kes yang pewakaf mewakafkan wang tunainya untuk dibina masjid. Tetapi kerana lambat pembinaan itu mungkin makan masa lama sikit baru hendak dibina. Dia nak minta tarik balik, jadi fatwa tidak membenarkan.

8. Dia (waqif) tak syaratkan wakaf tunai itu mesti digunakan untuk masa tertentu. Dia cuma wakaf, dia sebut binakan masjid yang tertentu. Tapi bila tunggu punya tunggu, nampak proses pembinaan itu agak lama, dia minta tarik balik untuk kegunaan balik. Jadi fatwa tidak membenarkan kerana benda itu sudah menjadi milik Allah. Kecuali kalau bentu itu katakan lah kalau masjid berkenaan tidak jadi dibina, maka ketika itu kita akan bincang, kita tukar mauquf alaih kerana nazir berhak menukarkan mauquf alaih. Mauquf alaih memang nazir berhak menukarkan kalau mauquf itu tak boleh bermanfaat. Jadi daripada biar begitu saja. Sebagai contohnya , misalnya lah. Tanah diwakaf untuk buat tapak masjid. Sedangkan tanah itu luasannya tak cukup untuk tapak masjid. Dan masjid pula sudah dibina berhampiran dengan tanah yang diwakafkan itu. Mustahil untuk jadikan masjid lagi dekat situ. Jadi kerana itu, untuk manfaat tanah itu, nazir berhak untuk menukarkan mauquf alaih kepada mungkin bina

rumah kedai untuk disewa dan hasilnya itu dimasukkan balik kepada masjid yang berhampiran. Tapi kita tak lari jauh daripada hasrat waqif yang nak buat masjid itu.

9. Bukan wakaf sewakan wakaf. Tapi katakan lah, satu tanah ni wakaf untuk buat tapak masjid. Tapi masjid tak boleh dibina kerana keluasan tanah itu tak cukup dan tanah tu pula terletak berhampiran dengan masjid yang sedia ada. Jadi kita tukarkan mauquf alaih. Kita jadikan tanah itu tapak kepada rumah kedai dan sebagainya. Kemudian rumah ini disewa dan hasil daripada sewaan itu kita masuk balik ke masjid. Tapi nak bina masjid atas tanah tu tak boleh dah. Itu kita tukarkan mauquf alaih.

10. Situasi yang macam ini tidak ada di dalam mazhab Shafie. Yang adanya dalam mazhab Hanafi, menyatakan nazir boleh menukarkan mauquf alaih. Tidak semestinya kena patuh kepada syarat wakaf sekiranya kalau syarat itu tidak mendatangkan manfaat untuk wakaf.

Pengaplikasian wakaf dalam kaedah wakaf johor & mesir.

11. Setakat ini kita Terengganu belum ada isu ini dan tak pernah dibincangkan. Kerana itu hak negeri masing-masing. Kalau mereka melihat mungkin benda itu masalah kepada negeri mereka, itu hak mereka. Jadi bagi negeri Terengganu setakat ini kita belum bincang apa-apa lagi berkenaan dengan wakaf muaqqat ini. Dan di Mesir memang saya pernah baca, di Mesir memang dibenarkan wakaf muaqqat itu. Itu enakmen bukan hukum asal.

12. Ini semua dari segi pengurusan. Sebab bila melihat masalah, mungkin benda itu boleh dibuat kalau tidak bertentangan dengan asas hukum. Kerana berdasarkan kaedah *“sarful imam manutun bil masalih”*.

Prinsip.

13. Berkenaan wakaf musytarak. Itu perlaksanaan yang dibuat di tempat lain. Dan benda itu tidak menimbulkan apa-apa masalah pun, kalau nak dibuat macam tu kerana kalau dia wakaf khas dan muabbad. Tiba-tiba katakan lah wakaf zuriat dia muabbad, tiba-tiba keturunannya putus. Maka wakaf itu tergantung. Tidak tahu siapa yang hendak terima. Tapi kalau wakaf dengan wakaf am misalnya, maka dia boleh diterima selama-lamanya. Jadi kerana itu, mungkin sebagai ihtiyat dia nak buat macam tu. Wakaf untuk keluarga dan wakaf am sekali gus. Jadi dinamakannya wakaf musytarak. Sebenarnya masa

keturunan itu masih ada, masih boleh terima manfaatnya. Dan kalau keturunan itu tidak ada, secara automatic wakaf itu menjadi wakaf umum.

Wakaf tunai.

14. wakaf tunai yang kita maksudkan di Terangganu kita tidak menerima wang tunai itu sebagai wakaf. Kita tak terima wang tunai kerana itu khilaf ulama'. Sebab syarat wakaf mesti benda kekal. Kalau benda tak kekal seperti yang tunai tak boleh wakaf. Ain wakaf mesti kena kekal, kalau benda tak kekal tak boleh wakaf. Jadi kerana itu wang tunai yang kita namakan wakaf tunai ni, kita hanya terima wang dan wang ini akan diubahkan dengan aset. Jadi setelah, kerana kita terima wakaf tunai ini sebab nak beri peluang kepada masyarakat untuk menyumbang dalam wakaf ini. Sebab kalau wakaf apa nii harta kekal mungkin dia tak ada, jadi dia tak ada peluang untuk wakaf. Maka kerana itu kita terima walaupun banyak mana yang dia sumbang. Dan wang yang kita kumpul ini, kita akan beli sebagai aset. Dan aset itu sebenarnya yang menjadi mauquf. Bukan wang itu jadi mauquf.

15. Wakaf wang tunai akan diubah menjadi aset kekal. Sebab mengikut mazhab Shafie memang tak boleh wakaf tunai. Kerana benda tu tak kekal. Cuma kita ambil di sini, bukan ambil tunai tu jadi wakaf tapi tunai itu akan kita tukarkan kepada aset yang kekal. Baru kita wakaf.

Harta wakaf muaqqat.

16. Minta maaf saya susah nak komen sikit sebab benda itu tidak terdapat dalam hukum setakat ini. Cuma yang adanya enakmen. Cuma masa tu kalau benda itu dilaksanakan baru kita nak bincang, baru tau macam mana kita kena. So setakat ini saya tak nampak benda itu boleh muaqqat, kerana harta wakaf ini adalah harta yang menjadi milik Allah "*la yuba' wala yuhab wala yurath*". Benda tu tak boleh jual, tak boleh beri dekat orang, dan tak boleh diwarisi. Jadi kalau macam tu, macam mana benda itu nak buat sementara. Bila buat sementara, boleh cabut balik, boleh tarik balik. Jadi setakat ini saya tak boleh jawab la soalan ini, apa benda yang boleh kerana benda itu kita belum kita laksanakan. Jadi benda itu andaikan dilaksana, masa tu baru pihak berkenaan akan membincangkan apa benda jenis-jenis harta yang boleh diwakafkan secara muaqqat dan benda-benda yang tak boleh diwakaf secara muaqqat. Tapi sekarang ni kerana benda itu tak terlaksana lagi, saya tak tau nak buat macam mana nak melaksanakan itu.

Masjid dan tanah kubur.

17. Setakat ini pada pandangan saya, memang tak boleh. Kerana saya tak jumpa lagi hukum yang boleh kata muaqqat. Kecuali enakmen-enakmen tu sahaja lah. Saya rasa soalan ini mungkin anda lebih sesuai tanya kepada pihak kerajaan Johor berkenaan wakaf muaqqat ini.



**TRANSKRIP TEMUBUAL BESAMA DR. LUQMAN ABDUL MUTALIB, AJK
FATWA JABATAN MUFTI NEGERI PERAK**

Ainul: Ok kita mula la ya kita punya majlis temubual hari ni ya?

Dr Luqman & Aiman: Insha'Allah.

Ainul: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya'i walmursalin, wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in, amma ba'd. Alhamdulillah pada petang yang berbahagia ini, terima kasih diucapkan kepada Dr. Luqman Abdul Mutalib, selaku Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, atas masa yang, atas kesudian untuk meluangkan masa bersama kami, untuk ditemubual berkenaan dengan pengaplikasian wakaf bertempoh Insha'Allah. Dr apa khabar Dr? Sihat?

Dr Luqman: Alhamdulillah sihat.

Ainul: Alhamdulillah. Boleh kita mula?

Dr Luqman: Aaa sekejap. Aiman Fathi apa khabar?

Aiman: Alhamdulillah Alhamdulillah. Tamam Insha'Allah Dr.

Dr Luqman: Alhamdulillah. Ahli *group* juga ke? Ahli *group research*?

Aiman: Haa saya baru masuk Dr. Saya yang, yang terbaru lah kira nya haha. (Dr Luqman: Ok) Saya baru masuk untuk sem ni, bawah aaa kiraa, aaa sebagai GRA kepada Dr Hussein. (Dr Luqman: Ok) Untuk buat berkenaan Integrasi Takaful Micro dan Wakaf Bertempoh pula. Aaa jadi terlibat sama. (Ainul: Ok)

Dr Luqman: Ahlan wa sahlam. (Ainul: Ahlan)

Aiman: Jazakallahu kheir.

Ainul: Ok Dr. Kita mula ya Dr? Insha'Allah.

Dr Luqman: Insha'Allah ya boleh.

Ainul: Aaaa kita pergi kepada soalan bahagian yang pertama. Iaitu berkenaan dengan takrif wakaf, jenis-jenis wakaf dan mazhab yang digunapakai di dalam masalah wakaf. Ok baik, kepada soalan yang pertama ini berkenaan dengan jenis-jenis wakaf. Ok

apakah pendapat Dr berkenaan dengan wakaf khairi khas dan juga wakaf dzurri? Dipersilakan Dr.

Dr Luqman: Ok Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya'i walmursalin, wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in. Allahumma 'allimna ma yanfa'una wanfa'na bima 'allamtana wazidna ilma. Rabbishrahli sadri wa yassirli amri wahlul uqdatamillisi yafqahu qauli. Subhanaka la 'ilma lana illa ma 'allamtana inna anta al'alimul hakim. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ainul dan *group research* kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama dengan tuan-tuan, memberi input apa yang boleh lah. Walaupun sebenarnya saya tidaklah orang yang selayaknya untuk bercakap tentang masalah wakaf ini kerana bidang saya bukan bidang ekonomi lah. Tapi atas kapasiti Jawatankuasa Fatwa dan itu pun disebut oleh Timbalan Mufti dulu untuk *interview* saya, maka saya memikul amanah inilah. Ok mengenai, pandangan mengenai wakaf khairi khas. Wakaf khairi ini, dia dikira sebagai wakaf am lah, tapi wakaf am pun dalam bentuk khas. Maka dia, aaa, pandangan saya pada asas nya wakaf ini ada dua, satu wakaf am dan satu lagi wakaf khas. Kalau sekiranya dia khairi khas, dia juga adalah wakaf khas sebenarnya. Di mana dia, aaa mauquf alaih nya memang golongan tertentu. Ok boleh Ainul?

Ainul: Ok boleh Dr. Jadi berkenaan dengan wakaf dzurri macam mana pula Dr? Pengaplikasiannya di Perak mungkin? Silakan Dr.

Dr Luqman: Ok aaaa wakaf dzurri ni, wakaf khas lah. Asanya bila disebut dzurri tu, pada asas, pada mulanya dia diberi kepada zuriat-zuriat dia lah. Saya mewakafkan harta saya kepada keturunan-keturunan ini. Maka zuriat, begitu lah wakaf khas maknanya. Jadi pelaksanaan wakaf khas di, kalau di negeri Perak, wakaf am, setiap wakaf am akan ditadbir urus oleh majlis agama. Kemudian wakaf khas, pengurusan aaa, pengurusan harta wakaf tersebut diserahkan kepada aaa orang mauquf alaih. Jadi kepada mauquf alaih, itu yang pertama. Dan kemudian kalau wakaf khairi khas, wakaf khairi khas, dia wakaf ni wakaf bersifat umum. Tetapi umum, umumnya tetapi ada khas. Contohnya katalah kita nak mewakaf kepada Persatuan Nelayan Muslim. Dia am untuk nelayan, sesiapa saja lah. Tetapi khas nya, dia mesti nelayan. Dia tak boleh benda lain. Aaa jadi wakaf am, eh wakaf khairi khas. Jadi pengurusan kalau di negeri Perak, pengurusan harta wakaf ini, terutama sekali dari sudut penyelenggaraan, perbelanjaan, *maintenance*

apa tu semua, akan diambil daripada tabung wakaf khas tersebut. Diambil daripada tabung wakaf khas lah. Kemudian sekiranya tabung tersebut tidak, aa tidak berupaya atau tidak mampu untuk melaksanakan keperluan-keperluan yang menjadi objektif wakaf tersebut, maka sebahagian daripada keperluan-keperluan tersebut boleh diambil daripada wakaf am yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam. Jadi boleh pindah-pindah lah. Kerana apa? Kerana memenuhi niat dan hasrat pewakaf adalah lebih utama.

Ainul: Ok baik terima kasih banyak-banyak Dr atas jawapan yang diberikan. Aaa Masha'Allah sangat memuaskan. Dan Insha'Allah kita akan teruskan kepada mazhab muktamad. Ok berkenaan dengan mazhab muktamad yang di aa, yang dipegang di negeri Perak. Ok baik, soalnya adalah adakah Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berfatwa hanyakah, aaa hanyalah berdasar kepada mazhab Shafi'iy sahaja? Dan apakah isu-isu ataupun keadaan-keadaan yang membolehkan Ahli Jawatankuasa Fatwa untuk mengeluarkan (terputus). Dipersilakan Dr.

Dr Luqman: Ok terima kasih. Apa khabar Dr Hussein?

Dr Hussein: Alhamdulillah sihat. Dr sihat ea?

Dr Luqman: Alhamdulillah sihat. Anak cam mana anak?

Dr Hussein: Anak ok Alhamdulillah. Yang apa, ada anak kat hospital Dr Firdaus.

Dr Luqman: Ooo Dr Firdaus. Ooo ok ok. Haha saya selalu silap.

Dr Hussein: Sama-sama doalah.

Dr Luqman: Ok merujuk balik kepada soalan Ainul tadi, pendapat mazhab Shafie. Perkara ni sebenarnya termaktub dalam aaa enakmen. Berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004, Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengeluarkan fatwa berdasarkan kepada qaul muktamad mazhab Shafie. Jadi maknanya jawatankuasa fatwa ini, kalau menurut enakmennya mesti berdasarkan kepada qaul muktamad mazhab Shafie. Namun dari sudut amalan nya, dari sudut amalan nya, memang, memang jawatankuasa fatwa di negeri Perak khususnya berpegang kepada amalan mazhab Shafie. Tapi saya tak nampak lah dalam perbincangan Jawatankuasa Fatwa itu seolah-olah dia tertakluk kepada enakmen, tak. Tak memang bu, budaya uruf dia itu. Budaya dan uruf Jawatankuasa Fatwa memang berpegang teguh kepada qaul muktamad. Dan mereka juga, tak berapa suka merujuk kepada kitab-kitab baru. Aaa dia suka merujuk

kepada kitab-kitab ummahati kutub fil mazhab. Kalau mazhab Shafie dia pergi lah kepada, aaa aaa, apaa ni, Sharh Muhazzab, kepada Mughnil Muhtaj, Al-Iqna' dan sebagainya. Asnal Matalib. Jadi dia suka begitu lah. Jadi memang benar dia bergantung kepada qaul mazhab muktamad. Namun, berdasarkan enakmen juga 43 (2), enakmen yang sama, fatwa boleh beralih kepad mazhab yang lain jika qaul daripada mazhab Shafie berlawanan dengan kepentingan awam. Haaa jadi makna nya bukanlah pegangan kepada mazhab, qaul muktamad mazhab Shafie ini, ini memang sesuatu yang tak boleh diubah. Dia boleh diubah apabila wujudnya kemaslahatan untuk mengubah. Cuma dia ada step, selepas tak boleh dipegang kepada qaul mazhab Shafie, biasanya kami akan beralih kepada qaul marjuh mazhab Shafie, ataupun qaul muqabilul asah. Mazhab Shafie jugak. Haaa nak berpegang juga dengan Shafie tu. Kalau tak boleh dia akan berpegang kepada qaul muktamad mazahib al-ukhra. Haaa lepas itu, baru lah, kalau tak boleh juga barulah akan wujudnya ijtihad dikalangan ahli majlis fatwa demi menjaga kepentingan masalah umum.

Ainul: Ok baik, terima kasih atas jawapan yang Dr kongsi. Masha' Allah padat dan jelas, Alhamdulillah. Ok kita teruskan pula kepada, Insha' Allah kepada bahagian kedua iaitu berkenaan wakaf muaqqat itu sendiri. Ok baik kita pergi kepada tema yang pertama iaitu sighah ta'bid ataupun ta'qit dalam wakaf. Apakah pendapat Dr berkenaan wakaf sementara ini? Adakah dia, adakah perlaksanaannya itu memberi masalah atau pun membawa mafsadah kepada aaa pengaplikasian wakaf di Malaysia? Dan adakah wakaf sementara itu sendiri bertentangan dengan objektif utama wakaf? Jadi dipersilakan Dr.

Dr Luqman: Ok baik terima kasih Ainul. Pertama sekali saya suka lah menyingkap kembalilah tentang pandangan ulama' mengenai wakaf ini. Ulama' berbeza pandangan berkaitan wakaf muaqqat. Jumhur ulama' selain daripada mazhab Maliki tidak mengharuskan nya. Maknanya wakaf pada pandangan jumhur ulama' mestilah 'ala ta'bid. Mesti berlaku secara ta'bid. Kenapa berlaku demikian? Kerana berpanduan kepada hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. *In shi'ta habasta aslaha wa sadaqta biha. Wa tasaddaqa biha*. Kalau kamu nak, kamu simpan lah asalnya. Asalnya tu harta la tu. Aaa Wakaf *habasta*, kamu tahan. Tahan kepada apa? Tahan *la yuba' wa la yurath*. Tak boleh dijual, tak boleh dibeli, tak boleh diwarisi. Maknanya, yang itu maknanya *al-amwal mahbusah. Li man? Lillahi ta'ala*. Jadi dia hak Allah. Jadi kerana itu, aaa mengikut jumhur ulama'. Wakaf tauqit atau pun wakaf muaqqat tak ada. Yang

ada ia mestilah wakaf yang bersifat muabbad, ok. Berdasarkan pandangan ini, tidak sah wakaf sementara. Kalau jumhur ulama' memang tak sah lah. Haaa cuma kalau diwakafkan itu, wakaf sementara itu diwakafkan untuk tujuan masjid, maka ulama' aaa, dia ada sedikit pandangan yang berbeza. Dia kata kalau wakaf untuk masjid wakafnya sah, syaratnya batal. Haaa syaratnya batal. Tapi kalau bukan untuk masjid, wakaf nya tidak sah kerana syaratnya syarat yang batil, syarat yang batil. Maka wakafnya terus tidak sah. Ok. Yang membolehkan wakaf sementara ni mazhab Maliki. Haaa kenapa mazhab Maliki dia mengharuskan wakaf sementara? Kerana dia berpandangan menahan harta daripada sebarang urusan transaksi, ia tidak membatalkan pemilikan. Haaa jadi, maksudnya *al-habsu* tu dia kata tahan daripada melakukan apa-apa transaksi tapi pemilikan tetap ada. Jadi kerana itu beza dia. Kalau mazhab jumhur ulama' ni kata tahan itu bertukarlah pemilikan. Tapi mazhab Maliki tahan, tetapi tidak ditukar milik, pemilikan. Tahan berapa lama? Dia tak beri tahu berapa lama. Haaa so, mazhab Maliki dia boleh aaaa muaqqat. Boleh wakaf muaqqat. Masa dia mewakafkan harta tu, tak boleh tarik balik lah. Kalau dia kata dia wakafkan 3 tahun, 3 tahun lah. Tapi selepas 3 tahun, dia boleh ambil balik. Jadi hilang hak perwakafan dia. Haaa jadi itu mengikut mazhab Maliki. Jadi dalam konteks ini dalam mazhab Maliki pemilik harta itu boleh menentukan tempoh *al-habsu* terhadap harta tersebut samada untuk kekal atau sementara. Haaa jadi, apa asas perbezaan pandangan ulama' ni tadi? Kalau saya melihat lah, pada aaa pada pandangan saya asas perbezaan pandangan ulama' ini adalah kerana mereka berbeza pandangan mengenai pengertian *al-habsu* itu sendiri. Haaa bukan kerana masalah. Kerana titik persoalannya, mereka berbeza pandangan *al-habsu*. Satu pandangan dia kata *al-habsu* ni *intiqaalul milkiyyah*. Kenapa? Kerana ada hadith Rasulullah, *sadaqatun jariatun*. Haaa *thalathun*, aaa *idza* apa, *idza mata ibn adam, inqata'a amaluhu illa min thalath*. Salah satu nya, *sadaqatun jariyah*. *Sadaqatun jariyah* itu, maknanya beralih lah pemilikan. Dan ini lah yang diqiaskan kepada wakaf. Tetapi Maliki dia tak guna macam tu. Dia kata wakaf ni tahan, tahan untuk beberapa tempoh, terpulang kepada pemilik. Tetapi pemilik ini bila cukup tempoh dia boleh ambil balik. Jadi isu nya apa? Isunya adalah, perbezaan pandangan terhadap maksud *al-habsu* tu. Kita hari ni, kita, bila kita nak buat wakaf muaqqat macam kita yang, macam aaaa akhir-akhir ini la wujudnya. Di Malaysia pun ada seminar mengenai wakaf muaqqat ni, *based on* masalah. Bukan *based on* perbezaan pandangan. Pada asasnya. Ooo kita nampak sana sini untung, kita ambil pandangan ini. Haaa itu tadi maknanya asas perbezaan

pandangan itu berbeza antara kita dengan ulama'-ulama' terdahulu. Namun demikian, saya tak nafikan bahawa wakaf-wakaf muaqqat ni ada kelebihan. Haaa ada dia punya kelebihan dan ada dia punya kekurangan. Antara kebbaikannya kalau boleh saya beri pandangan, dia memberi ruang kepada pewakaf untuk berbuat baik daripada hartanya tanpa menghilangkan hak pemilikan. Jadi maknanya kalau dia nak wakaf rumah, dia sayang juga rumah dia, tapi dia nak wakaf 50 tahun. Ok lepas tu dapat kepada zuriat dia. Haa jadi dengan adanya wakaf muaqqat ini mendorong kepadanya untuk melakukan kebajikan. Setidak-tidaknya 50 tahun lah. Haaa dapat jugakan. Daripada, ish saya tak boleh wakafkan lah harta saya. Kerana apa? Anak saya banyak. Haa ok. Namun ada juga buruk dia. Buruk dia apa? Kerana bila kita wakaf kan harta kita kepada satu, aaa kalau satu orang kita wakafkan 3 tahun, memang, memang kepala dia tengok 3 tahun lah. Jadi dia akan fikir apa yang dia boleh buat dalam masa 3 tahun. Mungkin bercucuk tanam. Haa itu yang sebaik untuk dia. Tapi kalau kita wakafkan kepada satu agensi, aaaa dia nak buat kilang ke, nak buat apa ke, masa tersebut merencatkan peraksanaan. Malah mungkin modal telah dia, dia, dia bagi dia keluarkan banyak. Tiba-tiba sampai masa kita kena tarik balik. Haaa jadi rugi lah dia. Haaa jadi kerana itu, saya melihat aaa wakaf ni sebenarnya samada wakaf ni sementara atau kekal, dia sebenarnya kena lihat kepada kemaslahatan mauquf alaih. Ok kalaulah mauquf alaih itu melibatkan kepentingan awam, contohnya masjid tadi. Contohnya masjid, kita wakafkan sebidang tanah untuk masjid. Yang ni perlu wakaf kekal, mesti gunakan wakaf kekal. Tetapi sekiranya wakaf tersebut tidak melibatkan kepentingan awam, contoh kita nak bagi kepada rumah-rumah anak yatim. Menjadi pulangan untuk dia belanja urus, kita bagi sebidang tanah kita bagi dia 50 tahun untuk dia buat apa-apa projek, 50 tahun. Untuk dia aaa aaa membuat sesuatu. Hasilnya dapat la dia mengurus tadbir apa-apa yang dia perlu lah. Kalau kata sekolah ke apa ke, yang ni ada juga kebbaikannya. Haaa yang ni boleh '*ala ta'bid*', boleh aaa '*ala tauqit*'. Nak kekal pun boleh, nak sementara pun boleh. Atau pun, aa apa-apa lah yang yang kita lihat samada nak tentu, nak tetapkan tempoh ke macam yang ditulis dalam soalan ni tempoh 60 tahun untuk wakaf dzurri. Yang tu semuanya berdasarkan kepada masalah. Berapa tahun tu tak ditentukan oleh nas. Dia adalah ditentukan oleh kemaslahatan tu sendiri, berapa tahun dia nak. Haa ok. Inilah, ini kategori yang dikatakan sebagai wakaf muaqqat, kalau nak dipakai. Kalau nak dipakai, aaa *terms* atau pun definsi wakaf muaqqat. Ok. Dalam mazhab Syiah Imamiyah, Syiah Imamiyah, mereka cenderung membezakan perkataan wakaf dengan

al-habsu. Mereka bezakan. Wakaf *intiqalul milkiyyah, bainamal habsu la yantaqilu al-milkiyyah, wa innama yuhbasu amwal*. Haaa dia kata *al-habsu* kita tahan je harta tu, kita tak bagi dia, eh kita tak boleh tukarkan hak pemilikan. Wakaf akan menukarkan hak pemilikan. Jadi kerana tu, kalaulah mengikut mazhab syi, mengikut mazhab aaa syiah imamiyah, wakaf muaqqat ni sebenarnya *al-habsu* lah. Aaa dia bukan wakaf. Dia *al-habsu*. Ok, kalau dalam hukum fekah pula macam. Dalam hukum fekah, saya melihat wakaf muaqqat ni sebenarnya dia adalah *al-‘ariyah*, pinjaman. Bertempoh. Pinjaman bertempoh. *Al-‘Ariyah mahdudun bi waqtin*, aaa mahdudun bi waqt, bi waqf. *Al-‘Ariyah mahdudun bi waqtin*. Pinjaman yang bertempoh dengan waktu. Kenapa dia pinjaman? Kerana pinjaman tu, dia punya maksud ialah *tamlikul manafi’ bi ghaiyri ‘iwadin*. Memang betul, pinjam, kita pinjam kita memiliki manfaat. Wakaf pun kita memiliki manfaat, *ma’a inna aslu baqin lillahi subhanahu wa ta’ala*. Ini kepada pandangan jumhur, *baqin lillah*. Pada pandangan Maliki, *baqin li malikihi*. Itu beza dia. Ha ok, tapi yang penting nya ialah *tamlikul manafi’, tamlikul manafi’*. Dia jadi dalam hukum fekah pun dia sebenarnya ada, dia adalah *‘ariyah mahdudun bi waqtin*. Al-‘Ariyah, cuma saya melihat perkataan wakaf muaqqat ni dia lebih menjurus kepada produk. Jadi nak sebut pinjaman, tak seronok lah kalau kita masuk dalam elemen-elemen bisnes. Sebut lah satu-satu perkara yang agak unik, yang agak baru. Berbetulan pula mazhab hana, mazhab Maliki mengharuskan nya. Maka kita sebut la dia wakaf, wakaf muaqqat. Sedangkan dalam Islam tak perlu wakaf pun. Kalau nak ikut, ikut definisi jumhur, dia bukan wakaf. Dia *al-‘ariyah*. Pinjaman bertempoh. Kita beri dia pinjam 10 tahun, gunalah apa nak guna. Lepas tu pulang balik kepada saya. Haaa pada pandangan saya gitu lah. Haa terpulang kepada kita nak pilih apa, tetapi sebenarnya, sebenarnya dia bukan sesuatu isu fekah. Isu ekonomi la nampak gaya.

Ainul: Ok baik. Terima kasih atas jawapan tadi dah menjawab sekali, apaa soalan yang ke 6 ni sebenarnya tadi haha. Panjang lebar sekali ceritanya. Ok tak apa. Banyak manfaatnya tu terima kasih banyak-banyak Dr. Haaa ok minta maaf ya Dr. Saya terpaksa *off camera* saya sebab line tak berapa nak kuat dekat sini. (Dr Luqman: Ok Ok) Baik kita terus kan kepada soalan....

Dr Hussein: Saya nak tanya sikit boleh ke? (Dr Luqman: Ha boleh boleh)

Ainul: Haa ok silakan Dr.

Dr Hussein: Saya nak bertanya sikit berkenaan apa nama, aaaa aaaa aaa apa Jab, Jab Fat, Jabatan Mufti Negeri Perak sendiri, bagaimana berpandangan terhadap aaa isu *instrument* wakaf muaqqat setakat ini?

Dr Luqman: Ok. Isu wakaf muaqqat ini belum lagi dibincangkan di Perak. Tapi walau macam mana pun dah ada hint dah. Haaa sebab salah seorang jawatankuasa, aaa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak ni dia adalah aaaa ahli di bidang, bidang ekonomi ni lah. Aaaa dia, jadi dia bawa satu isu-isu baru untuk perhatian jawatankuasa fatwa. Tapi belum ada lagi apa-apa tajuk untuk dibincangkan oleh jawatankuasa fatwa mengenai wakaf muaqqat. Cuma dari segi pengalaman-pengalaman yang lalu la Dr Hussein, jawatankuasa perak ni dia, dia, dia, dia berpegang teguh pada hukum fekah. Maksudnya. Aaa maknanya kalau benda macam ni lah. Nak disebut wakaf muaqqat ke, nak sebut apa ke. Haaa dia, kalau seboleh-boleh nya dia, pertama sekali nya dia berpegang dengan mazhab, haaa mazhab Shafie, kemudian jumhur ulama' lah. Haaa itu itu dia punya *rule*, *rule* jawatankuasa fatwa.

Dr Hussein: Pandangan Dr sendiri sebagai memakai topi atau pun kopiah ahli Jawatankuasa Fatwa di Perak kan. Pandangan Dr secara peribadi, adakah wakaf muaqqat ini dibolehkan?

Dr Luqman: Haaa soal boleh atau. Boleh aaa memang saya yakin dia boleh. Haaa tapi nama tu. Sekarang ni saya menganggap perkataan wakaf tu, kalau bagi saya, saya anggap dia sebagai suatu produk. Produk, jenama, bagi suatu aaa kita nak buat wakaf la kan. Saya anggap begitu. Sebab apa? Sebab elemen itu telah wujud di dalam '*ariyah bi waqtin*'. Dalam '*ariyah bi waqtin*'. Dia dah ada, dah wujud. Jadi soal dia boleh atau tak boleh, memang dia boleh. Cuma nak bawa dalam bentuk apa. Nak bentuk dalam buat, buat pinjaman ke, atau nak bawa dalam bentuk wakaf. Kami baru ada membincangkan mengenai wakaf aaa satu, daripada Johor. Dia bawa satu produk nama nya, aaa saya dah lupa. Wakaf. Wakaf hibah. Haaa dia wakaf hibah. Di bawa, tapi dia diluluskan di Johor ya. Tapi bila bawa di Perak, kami tolak. Sebab dia, nama dia memang produk lah, nama produk lah. Wakaf hibah. Tapi tak sesuai dengan hukum syarak. Nama je. Haaa jadi kami minta betulkan balik, konsep wakaf biar dia wakaf. Konsep hibah biar dia, hibah. Haa jadi kalau gitu la pandangan jawatankuasa fatwa negeri Perak begitulah.

Dr Hussein: Haaa ok. Jelas-jelas. Kalau contohnya wakaf muaqqat, tetapi ianya bukan bersifat '*ariyah*. Contohnya, aaaa ok wakaf am. Eh *sorry* wakaf khas dia agak susah untuk kita aaa bangunkan sebab dia khas kan. Jadi kita ta'qitkan dia, kita muaqqat. Kita jadikan dia sebagai muaqqat, muaqqat dan, dan, iaitu dari sudut konsep wakaf itu sendiri. Maksudnya dia bukan bersifat '*ariyah* tapi takhsis itu, dia bersifat muaqqat. Maksudnya, ok *you* boleh buat wakaf muaqqat dalam tempoh 20 tahun, eh *sorry*, boleh buat wakaf dalam tempoh 20 tahun. So dia muaqqat. Selepas itu dia *convert* jadi wakaf am. (Dr Luqman: Ooo ok) Haaa jadi.

Dr Luqman: Ok ok. Jadi pada pandangan saya lah, benda itu sebenarnya semua berlaku dalam tempoh akad peringkat awal. Maknanya dalam 20 tahun pertama, saya wakafkan tanah ini untuk tujuan tertentu, untuk mauquf alaih tertentu. Selepas 20 tahun maka wakaf ini akan beralih ke menjadi wakaf am. Begitu Dr Hussein ya?

Dr Hussein: Haaa begitu sebab kita nak, nak. Sebab sekarang ni banyak harta wakaf yang *idle*, yang tak dibangunkan disebabkan dia ada *takhsis* tu. (Dr Luqman: Hmm hmm) Haa jadi kita nak, nak apaaa. Nak dibangunkan semula sebagai harta wakaf tapi kita ta'qitkan dari sudut pengkhususan harta wakaf.

Dr Luqman: Hmm Jadi kalau, kalau dalam isu itu sebenarnya tak berbangkit dalam hukum fekah. Sebab dia *still* harta wakaf tapi mauquf alaih je yang berubah. Haaa dia *still* harta wakaf. Aaa mauquf alaih dia berubah 20 tahun pertama kepada orang tertentu dan baki masa kepada orang yang tertentu. Jadi penetapan 20 tahun pertama itu bukan membatalkan hak pemilikan. Pemilikannya tetap kepada Allah *Subhanahu wa ta'ala* tetapi kalau mengikut jumbuh lah. Cuma manfaat mauquf alaih berubah. Haaa jadi itu taka da timbul isu.

Dr Hussein: *All right* ok.

Ainul: Baik. Aaa Dr Hussein ada soalan lagi ke?

Dr Hussein: Dah taka da dah. Boleh ke kalau saya tanya-tanya macam saya tanya secara mencelah?

Ainul & Dr Luqman: Haaa boleh boleh. Tak ada masalah.

Dr Hussein: Haaa begitulah saya rasakan. Saya takut nanti terlupa. (Dr Luqman: Kalau boleh dijawab la)

Dr Hussein, Ainul, & Dr Luqman: hahahahahahaha.

Dr Hussein: Memang menjawab Dr. Dr setakat ini kalau katakan lah ermm aaaa kita. Kalau kata ada pihak yang mengusulkan untuk bawa wakaf muaqqat contohnya salah daripada ahli jawatankuasa fatwa dan aaa apaaa. Sejauh mana kesediaan, aaaa negeri Perak untuk melaksanakan wakaf muaqqat ni setakat ni?

Dr Luqman: Ok pertama sekali kalau, kalau dibawa yang, yang saya bagi pandangan ni pandangan saya lah. Tapi kalau isu ini dibawa ke dalam jawatan, jawatankuasa fatwa kami akan bincang lah, aaa sejauh mana aaa keperluan adanya wakaf muaqqat ni. Samada dia boleh tak boleh, tak jadi pertikaian ya. Dia memang boleh. Haaa cuma nama tu. Kita nak bawa atas nama apa. Itu saja yang, kalau mungkin lah, kalau mungkin kita bincang. Haaa itu lah maknanya, tapi tak ada masalah lah kalau benda tu dibawa ke dalam jawatankuasa, jawatankuasa akan bincang.

Dr Hussein: Ok. Ok Ok terima kasih Dr.

Ainul: Ok baik. Aaaa Dr Hussein ada lagi soalan ke? (Dr Hussein: Tak ada.) Ok boleh saya lanjutkan terus (Dr Hussein: Boleh) Ok terus. Ok memandangkan tadi Dr Hussein pun banyak tanya soalan yang ada kaitan dengan soalan-soalan ni, jadi mungkin kita akan skip beberapa soalan lah. Sebab dah menjawab dah tadi. Ok kita akan terus kepada prinsip perlaksanaan wakaf sementara. Insha'Allah. Ok berkenaan dengan, aaa wakaf sementara ini, andaikata seperti aaa yang macam mana Dr Hussein kata tadi. Andaikata Perak bersedia untuk ambil wakaf aaa sementara untuk diletakkan di dalam enakmen apakah perkara-perkara yang penting yang perlu diletakkan di dalam enakmen tu? Mungkin dari sudut sughah nya ke, hartanya, jenis-jenis wakaf yang boleh untuk wakaf muaqqat ni, tempohnya berapa lama. Haa kalau nak diberhentikan wakaf tu, perlu dipindahkan, aa boleh dipindahkan kepada pemilik asal ke atau pun perlu dijadikan muabbad terus ke. Haa jadi macam mana tu Dr? Dipersilakan Dr.

Dr Luqman: Ok pertama sekali, kalau tanya saya ye lah, kalau tanya saya, saya lebih cenderung untuk tidak, tidak meletakkan nama wakaf muaqqat. Sebab dia akan mendatangkan kekeliruan, haaa khususnya bagi pandangan jumhur. Jumhur kata wakaf mesti '*ala ta'bid*. Tapi kita sebut pula muaqqat kan. Jadi dia me mendatangkan kekeliruan sedangkan kita ada istilah lain, istilah lain yang boleh kita guna contohnya pinjaman tadi. Dia istilah yang memang *valid* lah, cuma tak *glamour*. Bila tak *glamour*

tu mungkin kita boleh, boleh pilih satu perkataan lain yang lebih aaa lebih orang kata lebih sesuai lah untuk sistem ekonomi hari ni. Haa ok. Jadi, tapi dalam masa yang sama memudahkan kita berbincang hari ni. Saya sebut lah juga dia sebagai wakaf muaqqat. Haaa ini untuk perbincangan kita saya sebut sebagai wakaf muaqqat. Ok jadi soalnya adakah menjadi keperluan mendaftarkan wakaf sementara aaa di dalam enakmen. Aaa saya rasa kalau lah ia menjadi suatu keperluan aaa dia se se sebenarnya wakaf, saya pun tak tengok enakmen wakaf. Enakmen wakaf kita menyebutkan mesti '*ala ta'bid*' ke macam mana?

Ainul: Ya kalau (Dr Luqman: Saya terlupa nak tengok) Ya kalau tengok balik, Perak dia mesti '*ala ta'bid*'. Haa dia tak ada '*ala ta'qit*'. Kalau macam negeri, sebahagian negeri lain dia akan spesifikkan ada aaa pendefinisian wakaf muaqqat tu sendiri. Haa macam tu.

Dr Luqman: Haaa ok, yaa jadi kalau maknanya kalau lah di Perak. Kalau dia meluluskan aaa wakaf sementara ini. Bagi saya dia kene ubah lah enakmen tersebut dengan menjelaskan bahawa wakaf ini boleh berlaku dalam bentuk ta'bid dan boleh berlaku dalam bentuk ta'qit. Haaa jadi maknanya, bila ada dalam enakmen tu senang. Sebab kalau lah, kalau lah kata enakmen di negeri Perak tu dia tidak sebut '*ala ta'bid*', maka cukup dengan sekadar fatwa. Aaa kalaulah dia tak sebut mesti '*ala ta'bid*', maka fatwa boleh menyelesaikan masalah tu. Jadi mengikuti fatwa, fatwa kata boleh muaqqat, fatwa kata boleh muabbad dalam masa yang sama. Ok jadi, kerana itu kalau lafaz dia umum tak perlu kepada pindaan. Tetapi kalau lafaz dia jelas, me me menunjukkan bahawa lafaz perlulah '*ala ta'bid*' maka perlu ada pindaan pada pandangan saya lah. Supaya wakaf itu boleh diaplikasi di negeri Perak. Haaa ok.

Ainul: Ok baik terima kasih Dr. Ok seterusnya kita masuk berkenaan dengan prinsip jenis wakaf sementara ini. Misalannya di Lubnan, kita tahu lah di Lubnan ni, dia cakap dalam enakmen dia wakaf ahli hanya dilaku, hanya boleh dilakukan secara bertempoh sahaja sementara. Kemudian dilakukan terus secara muabbad, pergi kepada wakaf khairi lah, aaa yang secara am semua. Dan aaa dia akan boleh jadi muabbad andaikata dia buat wakaf mushtarak. Maksudnya, wakaf aaa, sebahagian wakaf ahli, sebahagian lagi wakaf mush aaa, wakaf ni lah, wakaf khairi. Jadi apa pandangan Dr, adakah wakaf sementara ini boleh di, boleh terpakai dekat semua jenis wakaf ataupun mungkin sebahagian wakaf je yang boleh letak wakaf muaqqat ni? Silakan Dr.

Dr Luqman: Ok kalau sekiranya dia dilaksanakan, maka saya berpandangan tak semua jenis harta boleh diwakaf secara muaqqat. Aaa macam aa kita bincang di awal tadi bahawa setengah, setengah-setengah harta itu dia mempunyai nilai kepentingan awam yang sangat tinggi. Jadi kalaulah dia ini juga muaqqat dia merencatkan program, merencatkan kepentingan dan kemaslahatan awam. Jadi aaa sebaik-baiknya pihak perundangan perlu melihat apakah bentuk-bentuk wakaf yang wajib perlu wakaf kekal. Terutama masjid ye. Masjid perlu wakaf kekal. Kenapa masjid perlu wakaf kekal? Kerana satu masjid ini, dia adalah melibatkan kepentingan awam. Haaa masjid ni bukan sekadar masjid kita nak buat tempat sembahyang, kita boleh berubah-ubah, tak. Masjid ni dia ada ruh dia dalam memelihara kepentingan awam. Jadi yang kedua, *hurmatul masjid*. Penghormatan masjid juga perlu dipelihara, kalau sekiranya masjid ini dia boleh tamat tempoh wakaf nya, bila dia tamat tempoh wakaf nya macam mana berlaku tentang tanah masjid, bangunan masjid. Tiba-tiba orang nak buat, orang nak buat parking kereta. Haaa dia akan menyebabkan berlakunya *hadar*. Maknanya, berlakunya aaa kecalar, ke, calar, mencalarkan maruah masjid. Aaa jadi yang tu tak boleh lah tu. Haa jadi maknanya perlu ada, jadi kalau ulama' dia sebut masjid itu perlu wakaf kekal. Masjid perlu wakaf kekal. Cuma saya melihat bukan sekadar masjid, tetapi mungkin juga perkara perkara yang melibatkan kemaslahatan awam. Yang sangat penting. Dia perlu diwakafkan dalam bentuk yang kekal. Apa bendanya, yang tu mungkin dikategorikan oleh pihak-pihak yang berwajib lah. Kemudian wakaf selain daripada itu, dia boleh kekal dan dia boleh '*ala ta'bid*'. Aaa berdasarkan dari segi kemaslahatan. Dia boleh kekal, dia boleh *ta'bid*. Nak wakaf 20 tahun, nak wakaf 10 tahun dia boleh. Dan kalau dia macam di Lubnan ini dia ditetapkan tempoh tertentu, dia pun sebenarnya atas masalah. Dia melihat wakaf dzurri, dia mesti tak lebih daripada tahun-tahun tertentu. Itu sebenarnya masalah dan kemaslahatan itu, tahun itu ditentukan oleh pihak yang merasakan masalah tu perlu. Haa kalau dia tak rasa perlu tak payah, tak, tak ada apalah. Jadi saya lebih suka lah kita kategorikan benda yang tak boleh diwakafkan melainkan '*ala ta'bid*'. Dan benda yang boleh diwakafkan secara muaqqat dan muabbad.

Ainul: Aaa ok baik terima kasih Dr. Jawapan yang sangat padat. Alhamdulillah dah termasuk sekali dalam soalan prinsip harta wakaf ni. Aaa macam yang Dr katakan tadi, aaa wakaf yang tidak boleh dilaksanakan secara muaqqat adalah masjid. Dan para ulama' pun ada bincangkan benda ni dalam kitab-kitab wakaf semua, dia kata, para ulama dia kata, masjid tanah perkuburan dan apa bentuk wakaf yang dipandang tak

boleh nak, apa ni yang qadhi pandang tak boleh nak dilakukan secara muaqqat. Maka itu tidak boleh dilakukan secara muaqqat. Ya tepatlah yang macam mana yang Dr *describe* tadi memang betul lah. Ok baik Dr, kita teruskan kepada prinsip tempoh wakaf sementara Insha'Allah. Ok pada pandangan Dr, berapakah tempoh minimum dan maksimum untuk seseorang melakukan wakaf muaqqat? Adakah kesemua jenis wakaf sementara ini mengaplikasikan sem, perlu mengaplikasikan tempoh yang sama? Misalannya, seseorang nak mewakafkan tanahnya dalam tempoh sepuluh tahun untuk dilakukan projek pertanian misalannya. Kemudian selepas sepuluh tahun itu mungkin dibangunkan rumah kedai ataupun apa-apalah yang boleh mendatangkan manfaat kepada mauquf alaih tu lah. Jadi berapa tempoh masa yang apa ni yang orang kata tu yang munasabah. Adakah ianya termaktub di dalam disudut disi si, di sudut syarak ataupun ianya berpandang, aaa berpandukan kepada kemaslahatan mauquf alaih? Ok silakan Dr.

Dr Luqman: Ok terima kasih Ainul. Pertama sekali macam yang kita sebut tadi, wakaf setakat ni dia bergantung kepada masalah. Masalah mauquf alaih. Jadi elemen penetapan masa tu pada saya pertama sekali meraikan hasrat pewakif. Jadi pewakaf tu sendiri dia nak buat berapa lama. Ok itu yang pertama kita kena ambil, kene ambil aa aa ambil kira lah. Ok itu yang pertama, kemudian yang kedua manfaat yang terhasil kepada mauquf alaih. Apa benda yang dia nak buat kita nak wakafkan untuk apa jadi 2 elemen ini, satu niat pewakaf mesti ada, kemudian yang ke dua manfaat yang akan diperolehi oleh mauquf alaih 2 benda ni.

(TERPUTUS DAN SESI TEMUBUAL BERSAMBUNG DI APLIKASI ZOOM)

Dr. Lukman: Okay saya sambung balik yang tadi. Adakah waqaf sementara boleh diaplikasikan kepada semua jenis waqaf? Pada pandangan saya lah, waqaf ini syarat-syarat dia sama je antara waqaf muaqqat dengan waqaf muabbad. Kalau kita terima kehadiran muaqqat tu sama je, apa dia, syaratnya mestilah ia satu yang bersifat harta, yang mempunyai manfaat lah okay kemudian termasuklah syarat-syarat lain, syarat waqif, mauquf alaih, macam-macam semualah, cukup dengan syarat-syarat waqaf, jadi isunya adakah ia boleh diaplikasikan kepada semua jenis harta misalnya harta alih, harta tak alih seperti duit. Bagi saya boleh, bila boleh bagi waqaf muabbad, maka boleh juga kepada waqaf muaqqat, Cuma yang nilah satu isunya waqaf manfaat. Waqaf manfaat ni dia sebenarnya ialah sesuatu yang bertempel pada harta tersebut. Jadi, jika kita nak

mewakafkan harta kita nak manfaatnya tapi manfaatnya mesti bertempel pada harta. Kalau takde harta, manfaat itu takdelsh. Kalau kita ada rumah, manfaat mendiami rumah tersebut mesti wujud dengan rumah itu. Itulah manfaatny, kalau rumah tu takde, apa manfaatnya? Jadi manfaat itu adalah tsamarah, bukan alat bual. Jadi kerana itu, bagi saya, waqaf manfaat tidak wujud dan tidak boleh. Sekarang ni pun ada orang sebut waqaf masa, kerja, kepakaran. Bagi saya macam contoh masa ni, bagi saya Dr. Hussein, masa yang akan datang bukan kita punya, masa yang lalu telah berlalu begitu saja. Jadi, syarat-syarat waqaf ialah harta mesti milik pewaqaf. Jadi, bagaimana boleh waqaf masa? Kalau nak sebut waqaf masa itu dari sudut lughawi, takda masalah. Contoh, saya waqafkan masa saya untuk perjuangan Islam atau dakwah Islam. Itu waqaf dalam konteks lughawi. Tapi, waqaf dalam konteks istilahi, takde waqaf masa, khidmat. Waqaf ni sesuatu yang 'ain yang mesti wujud dan hasil samarahnya mesti ada daripada 'ain tersebut, tapi masa takde 'ainnya. Jadi, kerana itu, maknanya boleh waqaf tapi apa sahaja yang boleh diwaqaf dengan waqaf muabbad maka boleh diwaqafkan dgn waqaf muaqqat, namun waqaf manfaat/professional ha yang ini sebenarnya islam ada jalan penyelesaian. Tak perlu sebut waqaf. Akhirnya, bagi saya, waqaf itu nama bagi satu produk bukan nama bagi hukum fiqh secara istilahi.

Dr. Hussein: Okay Dr. kalau contohnya, memang kita tak nampak macam waqaf kepakaran atau masa atau perkhidmatan, cumanya kita boleh nampakkan dia, contohnya kita sijilkan dia, so kita nampak sebenarnya waqaf kepakaran contohnya dia sebagai doktor pakar, elaun dia sekali buat operation katakan 2 ribu ringgit, tapi dia tak ambil duit tu, jadi itu yng dimaksudkan dengan waqaf kepakaran. Maksudnya seolah-olah dia waqafkan kepakarannya. Jadi, apa pandangan Dr.?

Dr. Lukman: Saya nampak tu, dia tu memang penting tapi dalam buku fiqh, ia bukan waqaf. Ia sedekah boleh jadi, hibah, tapi waqaf ini 'ainnya mesti wujud, untuk menyempurnakan hadith nabi "habasta aslaha wa tasaddaqa biha". Al-aslunya mana? Kepakaran. Tapi kepakaran pula keparakan kita yang telah lalu atau kita buat. Itulah bendanya, tapi yang tu,, kita tak nampak asalnya itu. Jadi kerana itu, isunya bukan benda tu tak boleh, isunya benda tu boleh, tapi kenapa dipilih perkataan itu? Perkataan waqaf itu dipilih. Kalau kita pilih perkataan lain, takde masalah apa.

Dr. Hussein: Dengan kata lain, boleh ke saya faham bahawa kalau perbuatan tersebut dibuat atas konsep waqaf, maka tak dibolehkan?

Dr. Lukman: Maksud saya, ha betul. Atas konsep waqaf tak boleh. Sebab waqaf itu mesti ada al-aslu wa tasbilul manfaah. Konsep habsul asli wa tasbilul manfaah. Dia ada manfaahnya dan asalnya. Tapi perkhidmatan tadi kita dapat manfaatnya. Jadi, bagi saya yang tulah, saya berpegang dengan mesti ada asal untuk masuk ke dalam bab waqaf tapi bukan bermakna benda tu tak boleh tapi dengan nama yang berbeza.

Dr. Hussein: Okay faham, teruskan Ainul.

Ainul: Okay baik. Aiman mungkin bawah sikit? Alright. Okay berkenaan dengan prinsip perberhentian waqaf ini, berkenaan waqaf sementara, kita tahu waqaf sementara tadi, kita ada tempoh waktu tertentu, bagaimanakah waqaf sementara ini boleh ditamatkan? Misalnya, waqafnya, hanyalah bergantung kepada sifah yang dibuat oleh pewakaf ke ataupun ia boleh ditamatkan atas pandangan daripada qadhi ataupun sekarang kita panggil pemegang amanah tunggal, Majlis Agama Islam Negeri, jadi macammna waqaf sementara ini boleh ditamatkan? Dan seterusnya kepada siapakah harta waqaf ini dikembalikan selepas tamat tempoh waqaf tersebut? Misalannya, kalau tamat tempoh waqaf tersebut, sama ada harta waqaf tersebut dikembalikan kepada pemiliknya kalau hidup, atau meninggal dunia boleh dikembalikan kepada pewarisnya ataupun mungkin diteruskan jadi muabbad terus kepada 'am, khairi atau masyarakat memerlukan. Jadi apa pandangan Dr.?

Dr. Lukman: Okay, dengan mengambil kira wujudnya sementara, maka tempoh waqaf itu akan tamat bila tempoh waqaf tamat iaitu tamat tempoh ikut waktu ditetapkan, kalau lepas 20 tahun, maka lepas 20 tahun tamatlah tempoh. Itu satu. Yang kedua, dengan musnahnya harta waqaf, itu juga menyebabkan bahawa waqaf tersebut tamat. Kemudian yang ketiga, contohnya kalau dia mewaqafkan tanah untuk dibuat sekolah, tiba-tiba tanah tu banjir dan tak sesuai dibuat sekolah, jadi hilang manfaatnya, tapi sebelum dia hilang, apa yang boleh diambil manfaat, kena diambil manfaat. Contoh, kalau tanah tu ada pokok-pokok hutan yang berharga, maka pokok-pokok itu perlu ditebang, dan kayunya perlu diambil harganya, dan harga pokok itu dibuat istibdal. Yang jelasnya, kalau harta waqaf itu musnah, maka tamatlah waqaf tersebut. Kemudian yang ketiga, putusny mauquf alaih. Kalaulah waqaf itu, bukan waqaf 'am, dia ada waqaf khas, ada mauquf alaih yang tertentu, tiba-tiba mauquf alaihnya terputus, maka tamat juga waqaf dia.

Dr. Hussein: Masa terputus tu, macammana Dr.?

Dr. Lukman: Kalau macam saya kata, saya waqafkan sebidang tanah untuk keluarga Ahmad, keturunan si Ahmad, tiba-tiba Ahmad dah takde keturunan, jadi putuslah tu. Jadi putus tu maknanya tamatlah dia Cuma kepada siapakah harta tersebut pergi jika tamat tempoh waqaf tersebut? Qadhi tak boleh tentukan kemana-mana ya. Qadhi ni adalah pemegang amanah, Majlis Agama Islam hanyalah pemegang amanah. Pertama sekali, waqaf adalah mengikut syarat pewaqif. Apa yang dikehendaki oleh pewaqaf, jadi itulah yang perlu diberi. Mesti dibuat oleh majlis agama, macam kami pun, Majlis Agama Islam, apabila ada waqaf zurri, bukan waqaf zurri tapi waqaf khas, contohnya orang buat waqaf untuk bot kita sebut waqaf bot. Rupa-rupanya Dr. Hussein, nak buat waqaf bot ni susah. Sebab bila nak kutip duit tu senang, tapi bila kita nak dapatkan lesen bot tu, banyak sangat birokrasinya, sehingga akhirnya kadang-kadang gagal untuk membeli sebuah bot. Jadi kerananya tu, waqaf terbentut kat situ. macammana kita nak buat? Yang mana waqaf-waqaf yang telah lalu, kami kata, kita mesti berpegang kepada kehendak pewaqif. Tetapi, dalam dokumen yang akan datang, kita mesti tulis satu klausa lain, sekiranya waqaf khas ini tidak boleh disempurnakan, maka ini akan pergi kepada waqaf 'am. Kita buat syarat, jadi maknanya pewaqif tu kita tahu dah, memang inilah tujuan dia, tapi kalau tak boleh, pergi ke waqaf 'am jadi kita tak sia-siakan harapan orang tu. Waqaf sementara ni akan tamat dan kembali ke pemilik asalnya. Kalau harta itu musnah dan tiada lagi, maka tak perlu dikembalikan apa-apa. Sekiranya mauquf ilaih yang ketiga tadi, sekiranya terputus mauquf alaih, maka ada dua pandangan. Pertama, dia akan pergi ke aqrabul jihat ila mauqufi alaih. Benda yang paling hampir, contohnya kita mewaqafkan kepada sekolah, tiba-tiba sekolah dah tak wujud, kita boleh bagi kepada sekolah-sekolah lain yang berhampiran. Pandangan kedua, yang disebut dalam kitab mazhab Syafi'e kitab Iqna', apabila waqaf tersebut terputus, maka harta waqaf diberikan kepada aqrabu aqribail waqif. Kaum kerabat waqif yang paling hampirlah yang akan dapat manfaat daripada harta waqaf tersebut tetapi harta tersebut kalau mengikut mazhab Syafi'e still lagi la yuba' wala yurasu, yang ni yang pandangan mazhab Syafi'e yang tidak ada istilah waqaf muaqqat.

Ainul: Okay baik Dr. Alhamdulillah, jelas sekali jawapannya. Baik, kita teruskan kepada bentuk pelaksanaan waqaf sementara yang dicadangkan. Okay, bentuk pelaksanaan waqaf sementara di Malaysia. Kita akan pergi kepada soalan yang ke-16

iaitu apakah pendapat Dr. jika waqaf sementara ini diaplikasikan kepada waqaf zurriy seperti di Johor yang kita nampak tadi dengan mengehadkan tempoh maksimum dan akhirnya waqaf ini bertukar kepada waqaf khairi? Adakah dibolehkan waqaf sementara ditukar kepada waqaf kekal atau waqaf muabbad?

Dr. Lukman: Pertama sekali, harta waqaf adalah mengikut kehendak pewaqaf. Itu yang pertama atau main point. Kalau sekiranya pewaqaf itu kata saya mewaafkan rumah ini 20 tahun kepada si Polan, dan berhenti setakat tu. Maka harta waqaf tersebut bila tamat tempoh, dia mesti kembali kepada pemiliknya. Dia tak boleh bertukar kepada waqaf 'am. Tapi, kalaulah pewaqaf tu kata, saya mewaafkan harta ini 20 tahun dan selepas itu dia bertukar kepada waqaf 'am, maka sebenarnya dia menjadi waqaf 'alal abad, bukan lagi waqaf tauqit, tapi waqaf sepanjang masa Cuma yang disebutkan tadi, Cuma mauquf 'alaih saja berubah, tapi waqafnya tetap milik Allah.

Ainul: Okay baik Dr. Terima kasih atas jawapan dan pandangan daripada Dr. tentang soalan tersebut. Yang ke-17, ini juga berkenaan dengan waqaf muaqqat juga. Apakah pendapat Dr. jika waqaf sementara diaplikasikan kepada waqaf khairi khas, misalannya, seorang mewaafkan tanah selama 10 tahun dulu untuk dibuat masjid contohnya. Tapi, andaikata, tanah tu tak boleh didirikan masjid, lepas tempoh 10 tahun, boleh nak buat apa-apa ke atas tanah dengan tempoh maksimum dan akhirnya waqaf ini bertukar menjadi waqaf khairi am. Ini sebagai alternatif kepada pembatalan hukum secara mutlak. Apa pendapat Dr.?

Dr. Lukman: Dia bergantung kepada pertama sekali yang saya faham, ia bergantung kepada hajat dan niat pewaqaf. Maka sekiranya pewaqaf tersebut telah mewaafkan sesuatu dengan tujuan tertentu, tetapi tujuan tersebut gagal disempurnakan, rupanya kawasan itu memang mudah kena banjir, atau tiada penduduk Islam, dan semuanya bukan Islam, tiada makna kita dirikan masjid di situ, jadi kerana itu, bila dia gagal maka waqaf ini, waqaf muaqqat kan, maka kita tak boleh nak istibdal sebab dia muaqqat. Kalau waqaf tu muabbad, kita boleh buat istibdal. Jadi kerana itu, kalau kita tak boleh nak buat apa-apa dengan tanah tersebut, maka kita boleh beralih kepada apa yang paling hampir yang boleh pergi kepada tujuan pewaqaf tadi. Tapi, yang menjadi asasnya, Islam mengharamkan ido'atul mal, maknanya mana-mana harta yang tertunda tanpa hasil, yang ni Islam tak nak. Jadi, apa yang perlu dibuat, daripada pandangan sayalah, kalaulah kawasan itu boleh dibuat sebagai pusat peranginan, maka buat pusat

peranginan tapi hasil pendapatannya masuk kepada akaun mana-mana masjid yang paling hampir. Jadi, hasrat pewaqaf itu tetap tercapai.

Ainul: faham-faham. Okay, dia sama macam apa pendapat Dr. salah seorang pengurus bahagian waqaf di Majlis Agama Islam Peraklah. Dia pun mengatakan benda yang sama macam Dr. Andai kata tanah tu tak dapat nak dilaksanakan macammana kehendak pewaqaf, kita akan gunakan tanah tu untuk buat perkara ekonomi yang lain, dan hasil daripada ekonomi tu disalurkan kepada yang dihasratkan oleh pewaqaf. Kita teruskan kepada soalan yang last InsyaAllah, berkenaan dengan waqaf juga, apa pendapat Dr. berekanaan dengan waqaf sementara melibatkan harta yang kekal misalannya kerajaan atau individu mewaqaftkan tanah selama 99 tahun (lease-hold) untuk dibangunkan dan kemudian diberi semula kepada pemilik asal? Tanah lease-hold ni selalunya tanah kerajaan lah ye. Lepas tempoh tu, tanah tu macammana status dia, dikembalikan kepada pemilik asal?

Dr. Lukman: Pemilik asal tu pemilik individu ke kerajaan?

Ainul: Selalu kalau tanah, kita bagi lease-hold tu, mungkin kerajaan pegang atau pemaju kepada tanah tula. Macammana tu Dr.?

Dr. Lukman: Jadi, kalau kita berpegang dengan pendapat waqaf muaqqat, dia takda masalah. Dia boleh letak 99 tahun ke, 20 tahun ke berapa tahun, takda masalah la. Tapi sekiranya, kita tak berpegang kepada waqaf muaqqat, bagaimana kedudukan kita mewaqaftkan tanah yang dipajakan 99 tahun? Okay, jadi dalam konteks ini, salah satu syarat waqaf ialah harta tersebut milik pewaqif. Milik orang yang mewaqaftkan, itu syarat dia tu, dia tak boleh waqaftkan tanah orang lain. Jadi, adakah bila kita beli tanah lease-hold 99 tahun, tanah itu milik kita? Secara urufnya, dia ialah tanah milik kita. Kita berhak untuk buat apa sahaja, tapi kerajaan letak 99 tahun sebagai pajakan. Okay, kerajaan ini bagi sayalah Ainul, kerajaan ini agak berbeza dengan individu, kalau orang lain jual barang letak pajakan tak sah, kalau individu dia jual kat kita, saya jual kat kamu 99 tahun, tak sah jual beli, sebab jual beli intiqalul milkiah, dia mesti bertukar. Tetapi kerajaan, dia ada hukum lain kerana apa? Kerana kerajaan tasarruful Imam ala ra'yah manutun bil maslahah kerana apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan ini mesti berasaskan kepada maslahah. Jadi, kerajaan ini pun sebenarnya, bila dia pajakkan sesuatu tanah itu 99 tahun, bukan bermakna mesti dia ambil, Cuma bila kita nak kekalkan pemilikan

tanah tersebut, selepas tamat tempoh, maka kita kena bayar premium lain. Kalau kerajaan ambil, mesti ada sesuatu yang kerajaan perlu atau nak bangunkan. Maka konsep itulah konsep masalah ni tadi. Yang dilihat oleh kerajaan. Jadi, kerajaan cerita lain. Jadi bagi sayalah kalau mewaqafkan harta yang lease-hold hukumnya boleh sebab urufnya lease-hold- itu walaupun namanya pajakan 99 tahun, namun pada urufnya ialah pemilikan sempurna. Cuma, kami di Perak dalam isu-isu pajakan 99 tahun ini, perkara ini telah dibawa kepada Majlis Fatwa dan MAJlis Fatwa memutuskan bahawa tanah yang telah diwaqafkan adalah milik kekal. Haa, jadi kita gunakan fatwa untuk mempengaruhi kerajaan. Kalau kita nak lawan begitu sahaja, kita tak menang. Jadi, majlis akan gunakan fatwa untuk dibawa kepada kerajaan dan kerajaan perlu diubah title sesuai dengan fatwa. Jadi maknanya, kita senang, apa yang berlaku, kita fight something tulah, dan minta sesuatu untuk ditukar daripada lease-hold kepada free-hold.

Ainul: Terima kasih Dr. atas pencerahan tadi. Okay Dr., saya ada sedikit soalan datag daripada soalan yang sama. Andaikata tanah jenis lease-hold dibina bangunan ke atasnya, maka harta yang melekat atas tanah. Jadi kemudian, yang diwaqafkan tu bangunan tu sendiri. Jadi macammana Dr. status tanah tu selepas 99 tahun dengan bangunan sekali? Macammana tu Dr. ? Silakan.

Dr. Lukman: Dia waqaf ini tak boleh waqaf bangunan tu, dia mesti waqafkan sekali dengan tanah sebabnya implikasinya macam tadi, bila tanah itu menjadi milik orang lain, tiba-tiba tuan tanah nak bila-bila. Maka bangunan itu adalah harta waqaf. Mcammana kita nak buat? Jadi, kerana itu, apa-apa bangunan waqaf mengikut peraturannya, maka ia perlu dibina di atas tanah waqaf. Dia tak boleh bangunan waqaf dibina di atas tanah persendirian. Dia tak boleh. Sebab kita taknak implikasi yang macam ni.

Ainul: Maksudnya dekat sini, tanah tu dulu boleh jadi status waqaf, baru bangunan tu akan ikut jadi status tanah tu sendiri. Terima kasih Dr. atas jawapan tu. Silakan Dr. Hussein

Dr. Hussein: Berkenaan pemilikan lease-hold ni, adakah kita menggunakan konsep waqaf muaqqat?

Dr. Lukman: Bagi sayalah asasnya bukanlah waqaf muaqqat, tapi asasnya waqaf muabbad. Cuma, maksud pajakan 99 tahun itu, dia sebenarnya tetap milik sempurna

bagi pemiliknya, Cuma kerana kita punya peraturan mesti pajakan 99 tahun, maka ikut urufnya dia tetap juga milik kita, maka kerana pemilikan itu ada, maka barulah kita boleh mewaqafkannya. Kalau orang waqaf muaqqat pun, pada sayalah, katalah dia waqafkan 99 tahun, tapi dia anggap, tanah tu bukan milik dia, kerana dia pajakkan 99 tahun, kalau dia anggap bukan milik dia, memang dia tak boleh mewaqafkannya sebab salah satu syarat waqaf ialah harta itu boleh waqaf.

Ainul: Okay, baik. Kita teruskan kepada soalan yang seterusnya berkenaan harta juga, tapi tadi harta kekal yang ni harta alih pula. Berkenaan dgn harta alih, misalannya mewaqafkan alat dialisis untuk satu tempoh tertentu, bagi menampung kos perbelanjaan ni lah bagi orang yang berkemampuan, kita waqafkan harta alih tu secara muaqqat, dan contoh lain misalannya, kita ada kereta atau van. Kita waqafkan dekat masjid, selama 10 tahun misalannya untuk dijadikan van jenazah kegunaan masjid. Lepas daripada tempoh tu, kita ambil balik semula, jadi macammana, pada pendapat Dr.?

Dr. Lukman: Pada pandangan saya, harta alih, kalau kita berpegang kepada dengan adanya waqaf muaqqat, maka dia tak jadi masalah, harta alih boleh diwaqaf, harta kekal pun boleh, harta tidak alih pun boleh diwaqaf, sama sahaja kedudukannya, dan kedua-dua keadaan ini tsabit melalui hadith nabi dan juga amalan para sahabat. Isu tentang alih dan tak alih ni tadi, sama je. Kalau kita berpegang kepada adanya waqaf muaqqat, maka muaqqat dengan harta alih pun boleh.

Ainul: Baik InsyaAllah, terima kasih Dr. Kita teruskan kepada soalan yang ke-20, berkenaan dengan waqaf tunai. Ia melibatkan dengan waqaf sementara yang melibatkan duit, memberi pinjaman secara qardul hasan, iaitu pinjaman tanpa faedah untuk satu tempoh. Misalannya, ada orang kaya, dia ada saham atau income dia yang banyak, dia waqafkan income dia setahun, untuk dijadikan qardul hasan kepada sesiapa yang memerlukan. Dan cukup tempoh masa setahun tu, orang tu kena bayar semula kepada pewaqaf, dalam jumlah yang sama, untuk tempoh tertentu. Jadi macammana Dr.? Silakan.

Dr. Lukman: Jadi, benda-benda macamnilah saya nampak macam wujudnya kekeliruan. Kalau saya nampak macam ni Ainul, dia macam pinjaman qardul hasan, kita bagi katalah gaji saya Rm90 000 setahun, saya waqafkan RM 90 000 untuk setahun, jadi gunalah. Tapi lepas tempoh setahun, bayar balik, jadi dia jadi qardul hasan, saya bagi

pinjam RM 90000 dan balik semula RM 90000, tanpa sebarang faedah yang saya kena beri. Jadi istilah tu, kita main istilah. Kita nak sebut waqaf, qardul hasan pun boleh. Tapi bila kita sebut waqaf, dia mencalarakan prinsip mazhab Syafi'e kita, sedangkan kita boleh mencari benda lain tanpa mencalarakan prinsip mazhab. Kalau tak boleh takpa, macam kita sebut tadi seksyen 40 berapa tadi, kita boleh beralih kepada mazhab lain apabila kemaslahatan itu tidak ada pada pandangan mazhab syafi'ie. Itu yang pertama mengenai qardul hasan. Yang kedua, Boleh dan tidak boleh waqf duit. Waqf duit ini berbeza dengan pandangan mazhab Syafi'e. Dalam pandangan mazhab syafi'ie, dia boleh waqaf duit, tapi duit itu mesti dibeli dengan harta kekal. Contoh, kita nak waqaf atau bina masjid, kita bagi duit dengan harta waqaf tersebut, orang beli masjid, masjid tu harta kekal. Ataupun kita bagi duit untuk beli kipas, jadi kipas itulah waqaf dia, tapi kita beri duit. Boleh diberi dengan waqaf duit, tapi duit itu mesti ditukarkan dengan harta kekal. Tapi bagi sesetengah mazhab, kalau tak silap saya mazhab maliki, waqaf duit itu boleh, dan duit itulah waqafnya. Dia bukan harta belian, duit itulah waqafnya. Jadi maknanya, nilaian duit Rm90000 itulah waqaf. Dia pergi mana pun duit tu, akhirnya mesti nilai RM90000 tu ada. Jadi isunya waqaf duit memang bolehla.

Dr. Hussein: Kalau katakanlah kita, jika dikatakan waqaf muaqqat dibenarkan, dan kita amalkan waqaf tunai muaqqat, macammana proses dia?

Dr. Lukman: Waqaf tunai muaqqad. Hmmmm. Yang tu saya tak, wallahu a'lam Dr. Hussein. Yang tu saya tak nampak, sebab benda tu mesti dipulangkan semula, macam pinjaman pun boleh jadi.

Dr. Hussein: Kalau waqaf tunai muaqqat mengikut mazhab Syafi'e, kalau kita nak buat, diakhirnya kita pulangkan duit, atau barang yang dibeli dengan duit itu?

Dr. Lukman: Kalau mengikut mazhab Syafi'e, memang takda waqaf muaqqat.

Ainul: Kiranya setiap yang saya faham daripada Dr, setiap bentuk waqaf tunai itu, perlu ditukar kepada dalam bentuk harta ataupun benda yang kita boleh ambil manfaat daripadanya lah ya. Misalannya, ada orang waqaf tunai, kita buat program apa tadabbur Qur'an ke, duit tu guna untuk setup majlis tu, apa semualah.

Dr. Lukman: Okay boleh-boleh. Tapi Mazhab Syafi'e, dia tak boleh macamtu. Mazhab Syafi'e, dia kena tukar kepada harta yang bersifat tangible. Kalau pelaksanaan program tu, dia akan hilang. Salah satu syarat daripada mauquf ni tadi, harta waqaf ialah zawalul

manfaah bistihlakihi tu tak boleh, kalau manfaat tu hilang ketika kita gunakannya itu tak boleh. Contoh kita waqafkan nasi, memang dapat manfaat, tapi bila kita makan, hilang manfaatnya.

Ainul: Jadi sekarang ni, waqaf tunai tu boleh, tapi Cuma dana waqaf tunai tu perlu ditukarkan dalam bentuk baranglah, kita nampak, boleh pegang, boleh ada depan mata, okay faham. JAdi, berkenaan dengan dana waqaf tunai ni, kita jadikan dia qardul hasan, bagi Dr. dia sama dengan Qardul hasan macam biasa, tak perlu guna waqaf lah ye?

Dr. Lukman: Aah

Ainul: Baik Dr.

Dr. Hussein: Kalau kita namakan ia sebagai waqaf, adakah Dr. berpandangan ia akan beri sedikit sebanyak memberi kelebihan kepada Majlis Agama Islam Negeri kerana bila waqaf ini, Majlis Agama Islam Negeri adalah pemegang amanahnya, hadiah ke waqaf hibah ke qardul hasan ke sebagainya, jadi apa pandangan Dr.?

Dr. Lukman: Dari sudut itu, nampak ada kelebihanlah, maknanya urus tadbir itu dipegang oleh Majlis Agama Negeri, tapi dari satu aspek yang lain, saya nampak dia mencalarakan prinsip yang dipegang, berbeza dengan mana-mana jawatankuasa fatwa yang mengharuskan bentuk waqaf yang sedemikian. Tapi bagi sayalah berpendirian, sebenarnya kita ada jalan lain untuk bagi kalau qardul hasan, kita bagi je qardul hasan, kalau Al-'ariyah, kita bagi je Al-'ariyah, tanpa kita mencalarakan pengertian waqaf Habsul Asli wa Tasbilul Tsamarah.

Dr. Hussein: Terima kasih Dr. Jelas Dr.

Ainul: Aaaaa Dr. Mungkin berkenaan sedikit lagi dengan waqaf tunai juga, apa pendapat Dr. berkenaan waqaf tunai ini, tunai itu sendiri dijadikan 'ain, tak pergi kepada tangible punya property. Macammana Dr.?

Dr. Lukman: Yang itu saya katakan tadi, mazhab maliki. Dia ada mazhab lain yang tunai itu sendiri adalah waqaf.

Ainul: Okay faham. Okay baik, kita teruskan kepada soalan yang terakhirlah berkenaan waqaf. Tapi sebenarnya Dr. dah jawab tadi. Berkenaan waqaf sukarelawan, waqaf kepakaran dan juga waqaf servis atau kerja, khidmat yang secara percuma dalam

tempoh waktu tertentu. Tapi waqaf, bentuk muaqqat sahaja. Misalannya, waqaf pada waktu banjir ni, siapa-siapa yang mewaqafkan diri dia untuk buat kerja amal ini, untuk tempoh waktu itu je, apa pendapat Dr.? Silakan Dr.

Dr. Lukman: Itulah saya, kalau maksud waqaf itu lughawiyen, saya terimalah, kalau dari sudut bahasanya saya mewaqafkan diri saya kepada perjuangan Islam, tapi maksud waqaf itu Istilahiyen, maka saya berpandangan ianya tak boleh. Sebab waqaf itu mestilah pemilikan, sedangkan kita nak mewaqafkan diri kita, kita tahu tak kita hidup esok? Kita pun tak tahu kan, macammana kita nak waqafkan untuk masa akan datang kalau kita pun tak memilikinya? Jadi kerana itu, bagi sayalah, saya lebih suka menggunakan istilah-istilah yang lebih tepat dengan fiqh Konvensional. Bukan saya nak kata salah, mereka cipta istilah-istilah baru ni kan, tapi secara prinsip ini, dia tak sama dengan istilah yang digunakan dengan ulama' silam. Yang tu isu dia.

Ainul: Okay baik, saya rasa setakat itu sahajalah soalan daripada saya berkenaan dengan waqaf muaqqat ni. Diharapkan segala jawapan-jawapan daripada Dr. bermanfaat kepada kami semua Insya-Allah. Dr. Hussein ada apa-apa soalan lagi atau sedikit tambahan?

Dr. Hussein: Takda apa pun, mungkin sikit sahaja, kalaulah apa nama kita tengok Yayasan Waqaf Malaysia pun dah bergerak ke arah waqaf muaqqat. Katakanlah untuk akan datang ni, negeri-negeri pun apa dah mula untuk ke arah waqaf muaqqat, jadi bagi pandangan Dr. apa langkah-langkah awal untuk pelaksanaan waqaf muaqqat? Kalau ada laksanakan.

Dr. Lukman: Pertama sekali, kalau kita nak laksanakan waqaf muaqqat ni, kalau yang mana negeri Perak yang mana dia state secara jelas waqaf mesti muabbad, maka halangan-halangan perundangan perlulah dilepasi dahulu, supaya waqaf dapat dijalankan dengan baik. Kedua, waqaf muaqqat ni memang banyak kelebihan, dan dia ada kelebihan, maka menguar-uarkan waqaf muaqqat ni adalah salah satu cara untuk dapat menarik untuk orang mewaqafkan hartanya, memberi manfaat kepada orang Islam secara amnya.

Ainul: Okay Terima kasih Dr. atas pencerahan yang Dr. berikan kepada kami. InsyaAllah banyak manfaat yang dapat kami ambillah daripada jawapan dan pandangan Dr. sebagai ahli jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Jadi, kami tahu sedikit-sedikit cara

ahli fatwa ni berfikirilah, caranya nak istinbat hukum berdasarkan dari sumber mana, pegangan hukum tu macammna.

Dr. Lukman: Dr. Hussein, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya, memberi saham dalam pengajian ini. Setidak-tidaknya, dapat Allah hitung.


Dr. Hussein: Sumbangan besar Insya-Allah

Aiman: Waqaf kepakaran Insya-Allah

Dr. Hussein: Ada satu lagi research, waqaf muaqqat juga, tapi kita nak cuba waqaf muaqqat aplikasikan dengan industri takaful.

Dr. Lukman: Cantik tu. Insya-Allah kami, jawatankuasa nak berbincang mengenai waqaf muaqqat, kami boleh ambil input daripada ahli research ini Insya-Allah.

Ainul: InsyaAllah dialu-alukan.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(9A)
Tel 06-798 8523/25/22 Fax: 06-798 8530/31
2021

No.Ruj: USIM/FRGS/FSU/055002/50919-

Tarikh: 23 Sha'ban 1442h / 6 April

**Tuan Haji Fakruddin bin Abdul Rahman,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8 & 9, Menara JKP,
128 Jalan Macalister, 10400,
Pulau Pinang.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan,

MEMOHON MENGADAKAN LAWATAN DAN MENDAPATKAN MAKLUMAT BAGI KAJIAN WAKAF BERTEMPOH DI NEGERI PULAU PINANG.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa saya **Muhamad Firdaus bin Ab Rahman**, Ketua Penyelidik bagi geran penyelidikan USIM/FRGS (USIM/FRGS/FSU055002/50919). Saya mewakili Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ditugaskan untuk mengumpulkan data mengenai wakaf sementara serta potensi perlaksanaannya khusus di negeri Pulau Pinang. Data dan maklumat ini adalah sangat penting untuk kajian "**Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia**". Oleh itu, saya memohon jasa baik daripada pihak Tuan/Puan untuk mendapatkan maklumat dan sudut pandangan Tuan/Puan mewakili Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan soalan-soalan berkenaan wakaf sementara untuk perhatian pihak Tuan/Puan. Pihak kami sangat berbesar hati sekiranya soalan-soalan tersebut dapat dijawab secara bertulis ATAU jika berkesempatan dapat menemubual secara terus dengan Tuan/Puan.

4. Kerjasama dan keperihatinan daripada pihak Y.Bhg. S.S amatlah dihargai bagi melancarkan kajian ini. Sebarang pertanyaan atau maklum balas, harap dapat berhubung En. Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (Pembantu Penyelidik) di talian 013-5250805 atau email ainulhakim9665@gmail.com. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DR. MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN
Senior Lecturer
Faculty of Syariah and Law
Islamic Science University of Malaysia

(DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN)
Ketua Penyelidik
Geran Penyelidikan (USIM/FRGS/FSU/055002/50919).
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 017-8822685 Email: mfirdaus.rahman@usim.edu.my



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Tel 06-798 8523/25/22 Fax:06-798 8530/31

No.Ruj: USIM/FRGS/FSU/055002/50919-(9A)
Tarikh: 25 Sha'ban 1442H / 8 April 2021

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak,
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan,

MEMOHON MENGADAKAN LAWATAN DAN MENDAPATKAN MAKLUMAT BAGI KAJIAN WAKAF BERTEMPOH DI NEGERI PERAK.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa saya **Muhamad Firdaus bin Ab Rahman**, Ketua Penyelidik bagi geran penyelidikan USIM/FRGS (USIM/FRGS/FSU055002/50919). Saya mewakili Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ditugaskan untuk mengumpulkan data mengenai wakaf sementara serta potensi perlaksanaannya khusus di negeri Perak. Data dan maklumat ini adalah sangat penting untuk kajian **"Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia"**. Oleh itu, saya memohon jasa baik daripada pihak Tuan/Puan untuk mendapatkan maklumat dan sudut pandangan Tuan/Puan mewakili Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan soalan-soalan berkenaan wakaf sementara untuk perhatian pihak Tuan/Puan. Pihak kami sangat berbesar hati sekiranya soalan-soalan tersebut dapat dijawab secara bertulis ATAU jika berkesempatan dapat menemubual secara terus dengan Tuan/Puan samada bersemuka atau secara maya (Online).

4. Kerjasama dan keperihatinan daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai bagi melancarkan kajian ini. Sebarang pertanyaan atau maklum balas, harap dapat berhubung En. Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (Pembantu Penyelidik) di talian 013-5250805 atau email ainulhakim9665@gmail.com. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DR. MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN
Senior Lecturer
Faculty of Syariah and Law
Islamic Science University of Malaysia

(DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN)

Ketua Penyelidik

Geran Penyelidikan (USIM/FRGS/FSU/055002/50919).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: 017-8822685 Email: mfirdaus.rahman@usim.edu.my



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(9A)
Tel 06-798 8523/25/22 Fax:06-798 8530/31
2021

No.Ruj: USIM/FRGS/FSU/055002/50919-

Tarikh: 19 Rabiul Awal 1443H/ 26 Oktober

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad,
20519 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan,

**MEMOHON MENGADAKAN LAWATAN DAN MENDAPATKAN MAKLUMAT BAGI KAJIAN WAKAF
BERTEMPOH DI NEGERI TERENGGANU.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa saya **Muhamad Firdaus bin Ab Rahman**, Ketua Penyelidik bagi geran penyelidikan USIM/FRGS (USIM/FRGS/FSU055002/50919). Saya mewakili Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ditugaskan untuk mengumpulkan data mengenai wakaf sementara serta potensi perlaksanaannya khusus di negeri Terengganu. Data dan maklumat ini adalah sangat penting untuk kajian **"Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia"**. Oleh itu, saya memohon jasa baik daripada pihak Tuan/Puan untuk mendapatkan maklumat dan sudut pandangan Tuan/Puan mewakili Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan soalan-soalan berkenaan wakaf sementara untuk perhatian pihak Tuan/Puan. Pihak kami sangat berbesar hati sekiranya soalan-soalan tersebut dapat dijawab secara bertulis ATAU jika berkesempatan dapat menemubual secara terus dengan Tuan/Puan samada bersemuka atau melalui atas talian (Online).

4. Kerjasama dan keperihatinan daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai bagi melancarkan kajian ini. Sebarang pertanyaan atau maklum balas, harap dapat berhubung En. Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (Pembantu Penyelidik) di talian 013-5250805 atau email ainulhakim9665@gmail.com. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DR. MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN

Senior Lecturer

Faculty of Syariah and Law

Islamic Science University of Malaysia

(DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN)

Ketua Penyelidik

Geran Penyelidikan (USIM/FRGS/FSU/055002/50919).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: 017-8822685 Email: mfirdaus.rahman@usim.edu.my



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(1A)
Tel 06-798 8523/25/22 Fax:06-798 8530/31
2021

No.Ruj: USIM/FRGS/FSU/055002/50919-

Tarikh: 15 Sha'ban 1442H/ 29 Mac

Y.Bhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkipli bin Haji Muda
Mufti Kerajaan Negeri Terengganu
Jabatan Mufti Negeri Terengganu
Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Islam Terengganu,
Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. S.S,

MEMOHON MENGADAKAN LAWATAN DAN MENDAPATKAN MAKLUMAT BAGI KAJIAN WAKAF BERTEMPOH DI NEGERI TERENGGANU.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa saya **Muhamad Firdaus bin Ab Rahman**, Ketua Penyelidik bagi geran penyelidikan USIM/FRGS (USIM/FRGS/FSU055002/50919). Saya mewakili Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ditugaskan untuk mengumpulkan data mengenai wakaf sementara serta potensi perlaksanaannya khusus di negeri Kedah. Data dan maklumat ini adalah sangat penting untuk kajian "**Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia**". Oleh itu, saya memohon jasa baik daripada pihak Y.Bhg. S.S untuk mendapatkan maklumat dan sudut pandangan Y.Bhg. S.S mewakili Jabatan Mufti Negeri Terengganu.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan soalan-soalan berkenaan wakaf sementara untuk perhatian pihak Y.Bhg S.S. Pihak kami sangat berbesar hati sekiranya soalan-soalan tersebut dapat dijawab secara bertulis ATAU jika berkesempatan dapat menemubual secara terus dengan Y.Bhg. S.S atau Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.

4. Kerjasama dan keperihatinan daripada pihak Y.Bhg. S.S amatlah dihargai bagi melancarkan kajian ini. Sebarang pertanyaan atau maklum balas, harap dapat berhubung En. Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (Pembantu Penyelidik) di talian 013-5250805 atau email ainulhakim9665@gmail.com. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. S.S amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DR. MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN

Senior Lecturer

Faculty of Syariah and Law

Islamic Science University of Malaysia

(DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN)

Ketua Penyelidik

Geran Penyelidikan (USIM/FRGS/FSU/055002/50919).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: 017-8822685 Email: mfirdaus.rahman@usim.edu.my



Y.Bhg. Sahibus Samahah Dato' Haji Zamri bin Hashim
Timbalan Mufti Negeri Perak
Jabatan Mufti Negeri Perak
Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. S.S,

MEMOHON MENGADAKAN LAWATAN DAN MENDAPATKAN MAKLUMAT BAGI KAJIAN WAKAF BERTEMPOH DI NEGERI PERAK.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa saya **Muhamad Firdaus bin Ab Rahman**, Ketua Penyelidik bagi geran penyelidikan USIM/FRGS (USIM/FRGS/FSU055002/50919). Saya mewakili Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ditugaskan untuk mengumpulkan data mengenai wakaf sementara serta potensi perlaksanaannya khusus di negeri Perak. Data dan maklumat ini adalah sangat penting untuk kajian **"Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia"**. Oleh itu, saya memohon jasa baik daripada pihak Y.Bhg. S.S untuk mendapatkan maklumat dan sudut pandangan Y.Bhg. S.S mewakili Jabatan Mufti Negeri Perak.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan soalan-soalan berkenaan wakaf sementara untuk perhatian pihak Y.Bhg S.S. Pihak kami sangat berbesar hati sekiranya soalan-soalan tersebut dapat dijawab secara bertulis ATAU jika berkesempatan dapat menemubual secara terus dengan Y.Bhg. S.S atau Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak sama ada bersemuka atau secara atas talian (Online).

4. Kerjasama dan keperihatinan daripada pihak Y.Bhg. S.S amatlah dihargai bagi melancarkan kajian ini. Sebarang pertanyaan atau maklum balas, harap dapat berhubung En. Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (Pembantu Penyelidik) di talian 013-5250805 atau email ainulhakim9665@gmail.com. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. S.S amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DR. MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN

Senior Lecturer

Faculty of Syariah and Law

Islamic Science University of Malaysia

(DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN)

Ketua Penyelidik

Geran Penyelidikan (USIM/FRGS/FSU/055002/50919).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: 017-8822685 Email: mfirdaus.rahman@usim.edu.my

SOALAN TEMUBUAL

BAHAGIAN 1: TAKRIF WAKAF, JENIS-JENIS WAKAF DAN MAZHAB YANG DIGUNAPAKAI DALAM MASALAH WAKAF

1. Jenis-Jenis Wakaf

- 1.1. Apakah pendapat Tuan berkenaan wakaf khairi khas?
- 1.2. Apakah pendapat Tuan berkenaan wakaf dzurri (wakaf keluarga)?

2. Mazhab Muktamad

- 2.1. Adakah Jawatankuasa Fatwa Negeri diwajibkan untuk mengeluarkan fatwa berdasarkan pendapat mazhab Shāfi'iy sahaja?
- 2.2. Apakah keadaan atau isu yang membolehkan AJK Fatwa Negeri mengeluarkan fatwa berdasarkan pendapat mazhab yang lain atau berijtihad selain daripada pendapat mazhab Shāfi'iy?

BAHAGIAN 2: WAKAF MUAQQAT (WAKAF SEMENTARA)

3. Sighah Ta'bid atau Ta'qit dalam Wakaf

- 3.1. Apakah pendapat tuan berkenaan wakaf sementara? Apakah masalah atau mafsadah pelaksanaan wakaf sementara (*wakaf muaqqat*) di Malaysia? Adakah ianya bertentangan dengan objektif atau tuntutan utama wakaf?

4. Undang-Undang Melibatkan Wakaf Sementara

- 4.1. Apakah pendapat tuan berkenaan peruntukan di bawah yang membenarkan wakaf sementara di Mesir dan Johor?

Seksyen 48, Undang-undang Wakaf Mesir 1946 telah memperuntukkan: *"Membenarkan wakaf sementara dan wakaf muabbad jika melibatkan wakaf am- Manakala dibenarkan wakaf sementara dengan tempoh tidak melebihi 60 tahun"*

Seksyen 17, Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983, telah memperuntukkan: *"Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad dan wakaf lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus muaqqat dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang tidak lebih masanya dari 60 tahun dari tarikh mati wakif atau dua keturunan tidak termasuk wakif"*.

- 4.2. Jawatankuasa Fatwa kebangsaan Malaysia pada 13 Oktober 2004 telah memutuskan bahawa wakaf tanah yang berstatus (Leasehold) selama tempoh 99 tahun, dibolehkan dan ianya bertepatan dengan syarak dan masalah masyarakat. Adakah keputusan ini beerti kebenaran wakaf sementara di Malaysia?

BAHAGIAN 3: PRINSIP-PRINSIP PERLAKSANAAN WAKAF SEMENTARA

5. Prinsip *Ṣiḡhah* Wakaf Sementara

- 5.1. Adakah perlu ditakrifkan wakaf sementara di dalam enakmen? Adakah menjadi keperluan mendaftarkan wakaf sementara di dalam *ṣiḡhah* permohonan wakaf?

6. Prinsip Jenis-Jenis Wakaf Sementara

- 6.1. Adakah wakaf sementara terpakai kepada semua jenis wakaf, misalnya wakaf khairi, wakaf ahli, dan wakaf mushtarak? Contohnya pelaksanaan wakaf ahli di Lubnan membenarkan ianya dilakukan secara sementara sahaja.

7. Prinsip Harta-Harta Wakaf Sementara

- 7.1. Adakah wakaf sementara boleh diaplikasikan kepada semua jenis harta wakaf, misalnya harta alih, harta tak alih, duit dan manfaat?
- 7.2. Apakah harta yang tidak boleh diwakafkan sebagai wakaf sementara?

8. Prinsip Tempoh Wakaf Sementara

- 8.1. Berapakah tempoh masa minimum dan maksimum? Adakah kesemua jenis wakaf sementara mengaplikasikan tempoh yang sama?

9. Prinsip Pemberhentian Wakaf Sementara

- 9.1. Bagaimanakah wakaf sementara boleh ditamatkan?
- 9.2. Kepada siapakah harta wakaf akan dikembalikan selepas tamatnya wakaf sementara?

10. Prinsip Had-Had Wakaf Sementara

- 10.1. Adakah dibenarkan pewakaf menarik balik wakaf sementara sebelum tamat tempoh yang telah ditetapkan?

APPENDIX C

Proofreading

PROOFREADING BY A UK PHD
(TRADING AS: THAVA PROOFREADING AND EDITING SERVICES)

Receipt: **No: P-107588**

BILL FROM:
 Dr. Thavamaran Kanesan
Proofreadingbyphd@gmail.com
 017-6712515

BILL TO:
 Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil
 Fakulti Syariah dan Undang-Undang
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai
 71800, Nilai,
 Negeri Sembilan.

DATE OF RECEIPT: 25th of July 2022



Dr. Thavamaran Kanesan, BEng (Hons), PhD (UK), MIEEE
 PROOFREADING BY A UK PHD (NS0163592-K)
<https://www.facebook.com/proofreadingbyPhD/>
Proofreadingbyphd@gmail.com
 @176712515

Types of work:
 Proofreading and Editing

DESCRIPTION	Unit Price	AMOUNT
1) Manuscript 187 pages: Proofreading and Editing	RM 14/p	RM 2,618.00
2) Received 1st payment		RM 1,500.00
3) Received 2 nd payment		RM 1,118.00
TOTAL		RM 2,618.00



THANK YOU FOR YOUR BUSINESS
 Company Registration No: NS0163592-K






Note: This is a computer generated document, signature is not required

Figure 9: The receipt of proofreading.